

# JAWAPAN

## MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21

### Aktiviti 2: Meja Bulat (*Round Table*)

#### Cadangan Jawapan

Akibat-akibat yang timbul jika mengabaikan aspek kebersihan:

- 1 Mengundang pelbagai jenis penyakit
- 2 Tumbesaran anak-anak akan terbantut
- 3 Menurunnya sistem imunisasi tubuh
- 4 Keadaan yang tidak bersih akan mengganggu konsentrasi murid semasa sesi pembelajaran

Langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mengekalkan kesihatan yang baik:

- 1 Melakukan senaman setiap hari kerana fizikal yang sentiasa cergas dapat mengurangkan risiko mendapat penyakit kronik, membantu keseimbangan dan koordinasi tubuh serta mengurangkan berat badan
- 2 Meningkatkan sistem penghadaman bagi memastikan khasiat makanan dapat diserap dan dimanfaatkan oleh sistem badan
- 3 Membanyakkan minum air kosong yang berfungsi untuk menyelaraskan suhu badan, menghantar khasiat kepada organ dan tisu badan, membawa oksigen, menyingkirkan bahan buangan serta melindungi sendi dan organ
- 4 Mengamalkan tabiat pemakanan yang baik
- 5 Mengubah gaya hidup dan mengurangkan stres dalam kehidupan

### Aktiviti 3: Stesen Berputar (*Rotating Station*)

#### Cadangan Jawapan

Langkah-langkah memupuk semangat kejiranan:

- 1 Menghidupkan amalan bergotong-royong semula
- 2 Kempen mengadakan amalan rumah terbuka semasa sambutan sesuatu perayaan
- 3 Mengadakan aktiviti Hari Keluarga
- 4 Menyemarakkan budaya kunjung-mengunjung

Faktor-faktor yang menyebabkan luntarnya semangat kejiranan:

- 1 Perubahan gaya hidup yang lebih mementingkan kebendaan
- 2 Sikap keakuan yang semakin menebal dalam diri
- 3 Kesibukan bekerja membawa kepada kesukaran anggota masyarakat untuk bertemu dan berbual
- 4 Perkembangan teknologi yang semakin canggih menyebabkan kurangnya interaksi secara langsung mahupun secara tidak langsung
- 5 Sikap mengutamakan status diri menyebabkan kurangnya interaksi sesama jiran yang berbeza status

Kebaikan-kebaikan penubuhan Rukun Tetangga:

- 1 Dapat menjaga keselamatan kawasan kejiranan
  - Bersama-sama memastikan kawasan kejiranan bebas daripada jenayah
  - Segera menghubungi polis jika berlaku sesuatu perkara yang mencurigakan di kawasan perumahan.
  - Bekerjasama menjaga harta benda kawasan perumahan, contohnya taman permainan
- 2 Memupuk perpaduan antara kaum
  - Saling menghormati budaya dan kepercayaan kaum masing-masing
  - Bantu-membantu dalam melaksanakan sesuatu aktiviti atau kegiatan
  - Bertegur sapa dan beramah mesra
  - Tidak bersikap prasangka antara satu sama lain
  - Bertolak ansur dan bersikap toleransi

### Aktiviti 4: Susun Suai (*Jigsaw Reading*)

#### Cadangan Jawapan

Novel *Destinasi Impian*

Johari	Suka membaca dan mempunyai banyak pengetahuan
Azlina	Anak bongsu daripada enam orang adik-beradik
Firdaus	Cepat marah apabila penat dan tertekan
Mazlinda	Rakan sekelas Firdaus

#### Novel *Sejambak Bakti*

Razali	Sangat menghormati orang tua
Ramlah	Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan
Swee Lan	Rajin belajar
Saridevi	Baik hati

### Aktiviti 6: Baca dan Tanda (*Read and Highlight*)

#### Cadangan Jawapan

**Keputusan Remaja Menyertai Seni Tari:**

Remaja mempunyai peranan yang penting untuk memperkenalkan budaya warisan negara melalui seni tari. Pada waktu yang sama, mereka dapat mempamerkan busana negara pada peringkat antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana rekaan yang menarik dan unik ini telah mengharumkan nama negara ke seluruh dunia. Selain itu, remaja dapat menonjolkan kepelbagaian budaya Malaysia. Dalam konteks ini, imej negara hasil adunan pelbagai budaya dapat dipaparkan. Di samping itu, remaja dapat memasarkan sektor pelancongan negara melalui tarian yang dipersembahkan. Jelaslah bahawa tarian yang dipersembahkan berupaya untuk memikat masyarakat luar bagi menghayati seni dan budaya kita secara lebih dekat lagi.

(80 patah perkataan)

### Aktiviti 11: Kembangkan Kosa Kata (*Expand Your Vocabulary*)

#### Cadangan Jawapan

Kata	Maksud
1 menimbun	banyak, melimpah-limpah
2 mengambil	makan
3 melahap	makan banyak-banyak
4 mendatangkan	memberikan
5 memudaratkan	membahayakan

## UNIT 1: Sihat Membawa Kebahagiaan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

#### Cadangan Jawapan

Faedah yang dapat kita peroleh dengan menyertai acara Larian Harapan 2019:

- Menjadikan badan sihat dan otak cerdas
- Mendapat kenalan baharu
- Mewujudkan masyarakat yang prihatin
- Mengisi masa dengan kegiatan yang berfaedah

#### C. Menulis

- 1 kronik – berlarutan dan sukar sembuh
- 2 melangkaui – melampaui
- 3 berdepan – menghadapi
- 4 terjejas – mengalami kesan tidak baik
- 5 bergantung – berharap pada pertolongan

- 6 kompleks – gabungan pelbagai bahagian yang mewujudkan sesuatu yang sempurna dan lengkap
- 7 saringan – tapisan
- 8 komplikasi – perkembangan baharu pada sesuatu penyakit yang menjadikan lebih rumit untuk dirawat dan diubati

## UNIT 2: Amalan Kesejahteraan Hidup

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### B. Menulis

Penjualan makanan ringan kian berleluasa kini terutamanya kepada kanak-kanak. Banyak makanan ringan yang didapati berisi perasa tiruan yang tidak diberi kelulusan untuk digunakan. Mengikut kajian pakar-pakar pemakanan, pewarna tiruan ini memungkinkan timbulnya pelbagai penyakit yang berbahaya seperti kekejangan otot, kerosakan tisu-tisu membesar, dan leukemia. Oleh sebab banyak makanan ringan yang tidak berkhasiat, maka langkah membendung penjualannya perlu dilakukan.

Antara langkah yang boleh dijalankan termasuklah pihak berkuasa perlu bertindak tegas terhadap pengusaha dan pengeluar makanan ringan yang menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran jualan mereka. Selain itu, kempen-kempen tentang pemakanan yang sihat dan seimbang perlu digiatkan dari semasa ke semasa. Hal ini dapat mengurangkan tumpuan kanak-kanak terhadap makanan ringan.

Di rumah pula, ibu bapa perlulah memastikan anak-anak mereka menikmati makanan yang sesuai dan benar-benar berkhasiat sahaja. Dalam hal ini, ibu bapa tidak seharusnya menurut kehendak anak-anak mereka untuk makan makanan ringan. Dalam masa yang sama, di sekolah guru-guru boleh memberikan penjelasan kepada murid-murid tentang kesan pengambilan makanan ringan terhadap kesihatan. Akhir sekali, pihak sekolah perlulah memastikan makanan ringan tersebut juga tidak dijual di kantin dan di koperasi sekolah.

#### C. Tatabahasa

Warna

- 1 putih
- 2 merah

Cara

- 1 cepat
- 2 kerap
- 3 mudah

Waktu

- 1 lama
- 2 akhir

Sifat/Keadaan

- 1 pucat
- 2 letih
- 3 serius
- 4 sakit
- 5 kejang
- 6 tipis

## UNIT 3: Sayangi Nyawa Anda

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

##### Cadangan Jawapan

Langkah-langkah yang perlu dilakukan apabila kawasan tempat tinggal anda dilanda banjir:

- Mendengar hebahan semasa yang disampaikan melalui media sosial, radio, televisyen, dan bilik-bilik gerakan banjir yang berhampiran
- Membersihkan halangan lubang air dan memastikan lubang tersebut tertutup rapat
- Menyediakan bekalan makanan dan peralatan kecemasan secukupnya
- Meletakkan dokumen-dokumen penting di tempat yang selamat atau dibawa bersama di dalam bekas kalis air

#### B. Membaca

- 1 era – [arah, zaman]
- 2 perbankan – [aktiviti yang berkenaan dengan urusan di kaunter bank, aktiviti atau hal yang berkaitan dengan bank atau urusan niaga bank]
- 3 laman sesawang – [dokumen berisi maklumat yang boleh

dilawat di jaringan sejagat menggunakan pelayar web, dokumen yang dibina untuk memudahkan urusan perbankan]

- 4 tegar – [tidak tahu-menahu, tidak dapat diubah]
- 5 leka – [lalai, suka]
- 6 terlepas pandang – [terkenang, terlupa]
- 7 semak – [meneliti, mentaksir]
- 8 status – [kedudukan, pandangan]



## UNIT 4: Keselamatan di Mana-mana

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Mendengar dan Bertutur

Selamat sejahtera rakan-rakanku sekalian. Pada hari ini, saya akan menyampaikan maklumat tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan kemalangan jalan raya. Usaha yang pertama ialah agensi kerajaan yang terlibat perlu menjalankan kempen keselamatan jalan raya. Selain itu, papan tanda yang memaparkan jumlah mangsa yang maut atau cedera parah perlu diperbanyak di lokasi-lokasi yang kerap berlakunya kemalangan. Dalam masa yang sama, pihak berkuasa perlu memperketat penguatkuasaan undang-undang. Seterusnya, pihak peronda lebuh raya dan cawangan trafik Polis Diraja Malaysia perlu diperengkap dengan anggota tambahan. Akhir sekali, pengguna jalan raya itu sendiri perlulah mengamalkan slogan “Pandu Cermat, Jiwa Selamat” bagi memastikan kejadian kemalangan jalan raya dapat dielakkan.

#### B. Menulis



#### C. Tatabahasa

- 1 Murid-murid perlu belajar tentang cara-cara untuk menyelamatkan diri ketika diganggu orang yang tidak dikenali di tempat awam.
- 2 Pemuda itu ditahan oleh anggota polis kerana memandu kenderaan secara berbahaya.
- 3 Kita mesti bertindak dengan bijaknya apabila menghadapi detik-detik yang mencemaskan ketika air naik semasa musim banjir.
- 4 Melintas jalan raya dengan menggunakan lintasan belang lebih selamat kerana kenderaan akan berhenti dan memberikan laluan kepada pejalan kaki.
- 5 Penduduk di kawasan kondominium itu sentiasa berjaga-jaga dan berwaspada sejak berlakunya kejadian samun di kawasan itu.
- 6 Pihak berkuasa sentiasa memastikan kebajikan mangsa-mangsa kejadian banjir yang ditempatkan di sekolah-sekolah adalah terjaga.

### MODUL PP PRAKTIS PRA-PT3 (1)

#### Sistem Bahasa

##### Kesalahan Bahasa

- 1 Kata Nama Am dan Kata Nama Khas
  - (i) Ketua – ketua
  - (ii) Sepak Takraw – sepak takraw
  - (iii) Hospital – hospital
  - (iv) malaysia – Malaysia
  - (v) si jalak – Si Jalak

## 2 Kata Adjektif

- (i) masin – masam
- (ii) tebal – berat
- (iii) kancang – deras
- (iv) deras – pantas
- (v) kecewa – gembira

## Pemahaman

### Petikan Prosa

#### Prosa Tradisional “Asal Padi”

- (i) Berdasarkan petikan prosa tradisional tersebut, ciri-ciri benda yang dilihat oleh anak yatim piatu itu ialah kuning warnanya dan berkilau-kilau apabila ditimpa sinar matahari.
- (ii) ... teknik monolog – contohnya, Maka berkatalah anak yatim piatu itu di dalam hatinya, “Yang kuning kemilau itu tentu selongkok emas.”  
... teknik dialog – contohnya, Maka anak yatim piatu itu pun bertanya kepada yang empunya emas itu, “Hai, dari manakah gerangan tuan mengambil emas sebanyak ini?”
- (iii) ... memperbanyak kawasan penanaman padi di Malaysia  
... memberikan galakan kepada anak-anak muda untuk terlibat dalam sektor penanaman padi

### Ulasan dan Ringkasan

Berdasarkan rajah tersebut bilangan pelancong ke Sabah meningkat dari tahun 2017 hingga tahun 2018. Buktinya, jumlah pelancong pada tahun 2017 adalah sebanyak 24 536 orang menjadi 32 122 orang pada tahun 2018. Bilangan pelancong yang paling tinggi ialah pelancong yang datang dari Singapura manakala bilangan pelancong yang paling sedikit ialah pelancong yang datang dari China. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan jumlah pelancong ke Sabah ini semakin meningkat. Antaranya termasuklah faktor keindahan alam semula jadi. Hal ini dikatakan demikian kerana Sabah banyak mempunyai pulau yang cantik. Selain itu, Sabah kaya dengan kepelbagaian budaya dan kaum juga. Akhir sekali, Sabah terkenal dengan pelbagai hidangan makanan yang menarik serta harga makanannya berpatutan juga. Kesimpulannya, tidak hairanlah jika banyak pelancong begitu tertarik untuk datang ke Sabah.

## UNIT 5: Serasi Bersama

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

- (i) Berdasarkan petikan, maksud frasa silang budaya ialah pemahaman dan pengamalan budaya sesuatu kaum oleh kaum yang lain yang menunjukkan penerimaan dan keserasian antara kaum.
- (ii) ... dapat memupuk semangat kekitaan dan kejiranan  
... dapat memupuk semangat perpaduan antara kaum di negara kita
- (iii) ... kesibukan masyarakat dengan kerjaya sehingga tiada masa untuk bersosial dengan masyarakat sekeliling  
... pengaruh negatif dalam media sosial boleh menghalang semangat perpaduan kaum juga kerana wujud amalan memfitnah dan menyentuh isu sensitiviti kaum lain

#### B. Menulis

Umum mengetahui bahawa Malaysia merupakan negara yang terkenal dengan kepelbagaian kaumnya yang menyambut pelbagai jenis perayaan. Kaum Melayu merayakan Hari Raya Aidilfitri, kaum Cina merayakan Tahun Baharu Cina manakala kaum India merayakan Hari Deepavali. Bersesuaian dengan amalan rumah terbuka semasa majlis perayaan-perayaan ini, semua kaum akan meraikannya bersama-sama. Sesungguhnya, banyak kepentingan yang dapat diperolehi di sebalik sambutan pelbagai perayaan di negara kita ini.

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

#### Cadangan Jawapan

- Punca utama anak-anak kurang bergaul mesra dalam komuniti setempat:
- Pengaruh ibu bapa itu sendiri yang sibuk dengan pelbagai urusan dan tidak sedar akan sikap mereka yang mengabaikan aktiviti dalam komuniti.
  - Tiadanya bimbingan daripada ibu bapa tentang cara-cara untuk bergaul dengan komuniti setempat.

## UNIT 6: Perpaduan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Mendengar dan Bertutur

- Amelia: Kehidupan bermasyarakat tidak terlepas daripada amalan hidup secara berjiran. Oleh itu, kita hendaklah membina hubungan yang baik dengan jiran tetangga kita.
- Farah: Amalan hidup berjiran dapat kita pereratkan melalui aktiviti menziarahi jiran. Apabila berkunjung, usah lupa membawa buah tangan sebagai tanda ingatan.
- Amelia: Amalan hidup berjiran ini dapat disuburkan kembali juga melalui aktiviti gotong-royong. Contohnya, menyediakan hidangan untuk kenduri kahwin. Apabila berkumpul dan bekerjasama, mereka akan dapat berkenal-kenalan antara satu dengan yang lain sekali gus membolehkan seseorang itu mengenal hati budi jiran mereka dengan lebih dekat.
- Farah: Selain itu, kita dapat membantu jiran ketika berpindah rumah. Secara tidak langsung, tugas yang berat akan menjadi mudah dan dapat disiapkan dengan lebih cepat.
- Amelia: Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk boleh mengadakan aktiviti hari keluarga juga untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat setempat. Semasa aktiviti ini diadakan, semua jiran akan turut serta melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.

### Aktiviti PAK-21: Meja Bulat (Round Table)

#### Cadangan Jawapan

- Idea Murid 1: Menyertai Latihan Khidmat Negara  
Idea Murid 2: Menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara  
Idea Murid 3: Menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan yang berlainan kaum  
Idea Murid 4: Menghormati rakan-rakan yang berbeza latar belakang budaya dan agama

#### B. Menulis

##### Perenggan Isi 1

Antara kepentingan perpaduan kaum termasuklah masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman damai. Keadaan ini membolehkan aktiviti harian berjalan dengan lancarnya. Pihak kerajaan pula dapat merancang dan melaksanakan pelbagai projek pembangunan demi kesejahteraan rakyat.

##### Perenggan Isi 2

Manfaat lain perpaduan kaum ialah pihak kerajaan dapat memajukan lagi sektor pelancongan negara. Keadaan negara yang tenteram dan selamat akan menarik kedatangan pelancong asing ke Malaysia. Kehadiran pelancong asing ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat. Peluang pekerjaan ini pula akan menjanakan sumber pendapatan bagi menyara hidup dan meningkatkan taraf ekonomi rakyat.

##### Perenggan Isi 3

Di samping itu, perpaduan kaum akan menarik pelabur asing untuk melabur di Malaysia juga. Kestabilan ekonomi, politik, dan sosial Malaysia hasil daripada perpaduan kaum ini menambah keyakinan para pelabur untuk melabur tanpa perasaan takut. Kedatangan pelabur asing ini turut membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat sekali gus menjanakan pendapatan negara.

##### Perenggan Isi 4

Perpaduan kaum akan menaikkan imej negara di mata negara lain juga. Perpaduan kaum membuktikan bahawa pemimpin Malaysia dapat memerintah dengan baik. Terdapat negara-negara lain yang ingin mencontohi negara Malaysia dalam urusan pentadbiran. Selain itu, perpaduan kaum yang terdapat di Malaysia telah membolehkan Malaysia terpilih sebagai pengerusi bagi beberapa buah pertubuhan antarabangsa.

##### Kesimpulan

Tuntasnya, pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk mengekalkan perpaduan kaum di negara ini. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya bersyukur dengan keamanan yang kita kecapai pada hari ini. Oleh itu, kita perlulah menjaga hubungan baik sesama masyarakat.

## UNIT 7: Citra Bangsa

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

- 1 tradisional → bersifat atau bercorak lama
- 2 bermotifkan → menggunakan sesuatu sebagai corak
- 3 perayaan → pesta untuk merayakan sesuatu
- 4 teruna → anak lelaki yang masih muda
- 5 alunan → irama atau rentak tinggi rendah
- 6 berfungsi → mempunyai tugas
- 7 simbolik → menjadi lambang
- 8 tanggungjawab → kewajipan yang dipikul oleh seseorang

#### B. Menulis

No. 32, Kampung Haji Salam,  
83100 Batu Pahat,  
Johor Darul Takzim.

9 Mac 2019.

Menemui sahabatku, Alisa Sofea yang berada di Brunei. Saya berdoa semoga saudara sihat sejahtera di samping keluarga.

Saudari,

Terima kasih saya ucapkan atas kiriman surat saudara. Saya berasa seronok kerana saudara ingin mengetahui makanan tradisional yang popular di negeri kelahiran saya. Seperti yang diminta oleh saudara, saya akan bercerita tentang nasi ambang. Nasi ambang merupakan makanan tradisi masyarakat Jawa. Jumlah lauknya terdiri daripada empat hingga lapan jenis. Biasanya hidangan nasi ambang mengandungi nasi putih, ayam masak kicap, mi goreng, serondeng kelapa, tempe goreng, ikan kering, sambal belacan dan sebagainya.

Nasi ambang diletakkan di dalam satu dulang bulat. Makanan ini disediakan untuk empat orang. Mereka akan makan suku sahaja daripada nasi tersebut. Makanan yang selebihnya akan diagih-agihkan dan dibawa pulang ke rumah untuk dirasai oleh anggota keluarga yang lain pula, bak kata pepatah, "hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah".

Di samping dapat mengalaskan perut, perpaduan antara penduduk sesebuah kampung bertambah kukuh juga. Mereka dapat menjamu selera sambil berbual mesra. Hubungan yang renggang dek kesibukan bekerja dapat dipererat semula. Selain itu, cara tersebut dapat mendidik masyarakat supaya tidak bersikap tamak dengan membahagikan rezeki secara adil.

Setakat ini sahaja surat yang dapat saya tulis untuk tatapan saudara. Besarlah harapan saya agar saudara berpuas hati dengan penjelasan saya tentang makanan tradisional di negeri Johor. Saya berharap agar saudara dapat menikmati keenakan nasi ambang pada suatu hari nanti.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,  
*Tutan Marlina*

## UNIT 8: Tautan Seni Subur Harmoni

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Mendengar dan Bertutur

Baru-baru ini, saya bercuti di negeri Sarawak. Semasa berada di sana, saya berpeluang untuk menyaksikan tarian tradisional masyarakat Sarawak, iaitu tarian ngajat dan tarian kenyalang. Kedua-dua jenis tarian ini diiringi alat muzik tradisional.

Tarian ngajat merupakan tarian kaum Iban. Tarian ini dipersembahkan semasa menyambut Hari Gawai. Sepanjang persembahan ini berlangsung, penari lelaki akan memegang perisai kayu dan pedang.

Tarian kenyalang pula merupakan tarian kaum Kenyah. Tujuan tarian ini dipersembahkan adalah untuk menyambut kepulauan pahlawan daripada berburu. Peralatan yang digunakan semasa tarian ini ialah kipas yang diperbuat daripada bulu burung kenyalang.

Saya berasa bertuah kerana dapat menyaksikan keunikan tarian peribumi masyarakat Sarawak.

## Aktiviti PAK-21: Peta *i-THINK*

### Cadangan Jawapan



#### B. Tatabahasa

- 2 **Frasa Kerja (FK):** sedang mengacau dodol.  
**Ayat Lengkap:** Pak Hamid sedang mengacau dodol.
- 3 **Frasa Adjektif (FA):** sungguh cantik.  
**Ayat Lengkap:** Kain songket itu sungguh cantik.
- 4 **Frasa Sendi Nama (FS):** ke Pameran Seni Kraf Rotan dan Buluh 2019.  
**Ayat Lengkap:** Mereka bertiga ke Pameran Seni Kraf Rotan dan Buluh 2019.

### MODUL PP PRAKTIS PRA-PT3 (2)

#### Sistem Bahasa

##### Kesalahan Bahasa

- 1 Kata Seru dan Kata Tanya
  - (i) Ah – Aduh
  - (ii) Wah – Aduhai
  - (iii) Oh – Wah
  - (iv) Mengapakah – Bagaimanakah
  - (v) Apakah – Bilakah
  - (vi) Siapakah – Apakah
- 2 Kata Kerja Tak Transitif
  - (i) bertidur – tidur
  - (ii) bertabur – bertaburan
  - (iii) lompat – melompat
  - (iv) berbantal – berbantalkan
  - (v) kuning – menguning
  - (vi) senyum – tersenyum

##### Pemahaman

##### Petikan Prosa

Cerpen "Oren"

- (i) Watak "dia" memelihara Oren kerana "dia" tidak tahu tuan asal yang menjaga Oren. Selain itu, watak "dia" juga tidak sanggup membiarkan Oren begitu sahaja kerana "dia" telah menyebabkan kematian ibu Oren.
- (ii) ... Oren seekor kucing yang beralah kerana membiarkan Kelabu makan lebih dahulu  
... Oren pandai menjaga kebersihan dirinya terutamanya dalam hal membuang najis
- (iii) ... bagi menarik minat murid sekolah untuk membaca cerpen tersebut  
... bagi menerapkan nilai kasih sayang terhadap haiwan

##### Karangan

##### Karangan Fakta/Rencana

##### Soalan 2

##### Rangka Karangan

##### Pendahuluan

mata pelajaran teras – disebut sebagai mata pelajaran yang sukar difahami dan dikuasai – dianggap membosankan – perlu disedarkan tentang kepentingan mata pelajaran Sejarah

### Isi-isi Penting

- memupuk semangat cinta akan negara – mengetahui asal usul dan latar belakang pembentukan negara – lahirnya semangat patriotik – bersedia dan sanggup berkorban untuk negara
- menceritakan peristiwa-peristiwa penting – berlaku di dalam dan di luar negara – menambah pengetahuan am tentang sesuatu perkara dan peristiwa
- mengandungi nilai-nilai murni yang dapat diteladani – terkandung dalam setiap peristiwa yang berlaku – peristiwa pembukaan Melaka – nilai keberanian dan kerjasama
- menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan kritis – pendedahan tentang idea-idea baharu – perbandingan antara peristiwa masa lalu dengan peristiwa semasa – berfikir untuk meramalkan keadaan

### Penutup

tidak boleh dipandang sebelah mata – wadah untuk menarik minat murid kepada warisan dan budaya – asas untuk membina bangsa Malaysia yang berdaulat

## FOKUS KBAT

### Pemahaman (KOMSAS – Puisi Tradisional)

- Maksud bagi rangkap pertama syair ialah pihak berkuasa menjalankan tugas dengan adilnya dan saksamanya tanpa mengira pangkat dan darjat. Maksud bagi rangkap kedua syair ialah kehidupan mereka yang bersaudara dan orang kaya sedia menghulurkan bantuan kepada orang lain.
- Persoalan pertama yang dapat diperoleh daripada syair tersebut ialah pohon buluh yang hidup berumpun digambarkan sebagai masyarakat yang bersatu padu tanpa mengira peringkat usia. Selain itu, pohon buluh atau anggota masyarakat yang bersaudara digambarkan amat akrab dan saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Persoalan seterusnya, kekukuhan perpaduan hidup dapat dibentuk sekiranya masyarakat dapat menempuh segala cabaran dengan jayanya.
- Antara usaha yang dapat saya lakukan untuk menyatupadukan masyarakat yang berpecah belah termasuklah saya akan membuang sikap mementingkan diri sendiri supaya tidak berlaku perbalahan. Seterusnya, saya akan memahami budaya dan adat kaum lain untuk mengelakkan perselisihan faham. Akhir sekali, saya akan mengelakkan diri daripada mewujudkan perasaan curiga dengan kaum lain agar hubungan baik dalam kalangan masyarakat tidak terganggu.

## UNIT 9: Rakyat Berjasa Negara Terbilang

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Menulis

Kem Bina Semangat telah diadakan di Sekolah Menengah Anderson, Ipoh pada cuti penggal yang lalu. Kem ini berlangsung selama lima hari. Kem anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Perak ini disertai oleh 300 orang pengawas dari seluruh negeri Perak. Saya mewakili Sekolah Menengah Seri Puteri, Ipoh.

Kem Bina Semangat ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat jati diri dan keyakinan dalam diri pengawas. Kem ini dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Negeri Perak. Dalam ucapan perasmian, beliau menasihati para peserta agar menjadi contoh kepada murid-murid lain.

Kem yang julung-julung kali diadakan ini diisi dengan pelbagai aktiviti termasuklah ceramah, bengkel, kembara hutan, dan latihan perbarisan. Setiap peserta menunjukkan kesungguhan yang tinggi untuk menjayakan program ini. Jurulatih yang bertugas sepanjang kem ini berlangsung menunjukkan komitmen yang tinggi untuk menjadikan program yang dirancang berjalan dengan lancarnya.

Para peserta menyatakan rasa puas hati terhadap aktiviti yang dijalankan. Kem ini banyak memberikan pengalaman berharga kepada mereka. Selain dapat mempelajari ilmu kepemimpinan, mereka berpeluang untuk mendapat rakan baharu yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza juga.

Majlis penutup kem ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Manjoi. Beliau turut menyampaikan sijil kepada peserta kursus dan cenderamata kepada fasilitator. Secara keseluruhannya, kem ini berjaya

mencapai objektifnya. Pihak penganjur berjanji akan mengadakan kursus seperti ini lagi pada masa akan datang.

#### B. Tatabahasa

- pahlawan perkasa negara
- Rejimen Askar Melayu
- Tanah Melayu
- kawasan tepi laut Pasir Panjang
- pertempuran yang sungguh hebat itu
- Pada waktu tengah hari 14 Februari 1942
- kekuatan tentera beliau
- tentera Jepun

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

#### Cadangan Jawapan

Cara-cara menyemai semangat patriotisme yang tinggi dalam diri:  
– Menghormati perlembagaan negara serta mematuhi peraturan dan melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia  
– Meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi  
– Melestarikan alam dan budaya rakyat Malaysia serta meneroka dan menghargai alam semula jadi negara

#### Aktiviti PAK-21: Round Robin

#### Cadangan Jawapan

Tokoh Pahlawan Negara: Kanang

- Seorang perajurit anak Langkau yang berbangsa Iban.
- Beliau dilahirkan di Karangan Manok Nanga Meluan, Sarawak.
- Kanang bersekolah hingga darjah tiga di Sekolah Local Authority.
- Pada tahun 1962, beliau diterima menjadi tentera sebagai Iban Tracker.
- Ketika menyertai Gerakan setia 8/79 di Hutan Korbu di Perak beliau telah cedera parah ketika bertempur dengan tentera komunis. Akibatnya, beliau tidak sedarkan diri dan dimasukkan ke hospital. Beliau terlantar di wad selama setahun.
- Pada tahun 1980, Kanang dianugerahkan pingat Panglima Gagah Berani sebagai mengenang jasa dan pengorbanannya menentang penganas komunis. Pada tahun 1981, beliau dikurniakan bintang keberanian Seri Pahlawan Gagah Perkasa.
- Kanang bersara menjadi tentera pada tahun 1986. Selepas bersara beliau dianugerahkan Bentara Bintang Sarawak oleh kerajaan negeri Sarawak bagi mengenang jasa-jasanya.
- Pada bulan September 2012, Kanang telah dianugerahkan gelaran Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak yang membawa gelaran Datuk.

## UNIT 10: Jasamu Pemimpin

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

Perkataan	Makna
1 Pendudukan	perbuatan menduduki sesebuah negara oleh kuasa luar (tentera)
2 mengisytiharkan	memasyhurkan
3 desakan	permintaan, tuntutan yang keras
4 menerajui	memegang teraju pimpinan
5 menandakan	menjadi tanda (isyarat)
6 penguasaan	perihal menguasai atau menguasai
7 rundingan	perbincangan antara dua atau banyak pihak untuk menyelesaikan masalah
8 perlembagaan	undang-undang atau peraturan negeri

#### B. Menulis

Gembira sungguh Athirah sebaik sahaja habis membaca surat **daripada** sahabat penanya, Lindsay dari **Australia** itu. Lindsay menyatakan bahawa dia dan keluarganya akan berkunjung ke Malaysia pada bulan **Ogos** ini.

“Berapa lamakah mereka sekeluarga akan berada di sini?” tanya bapa Athirah.

“Menurut Lindsay, mereka akan bercuti di sini selama dua minggu. Bapa Lindsay ingin mencari kenalan lamanya di Pulau Pinang,” jawab Athirah.

Lindsay memberitahu Athirah bahawa dia dan keluarganya sudah lama berhasrat untuk berkunjung ke Malaysia. Mereka mendapat tahu bahawa di Malaysia banyak terdapat tempat **pelancongan** yang indah. Mereka kagum akan keamanan dan keharmonian negara Malaysia kerana rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya.

Sebelum tidur, Athirah membelek **kalendar** di dalam biliknya. Hanya tiga bulan lagi, Lindsay dan keluarganya akan tiba di Malaysia. Athirah berjanji akan melayan tetamu istimewanya itu sebaik mungkin. Dia berharap agar tetamunya itu akan jatuh hati pada negara kelahirannya ini. Dia akan menunjukkan pelbagai jenis kebudayaan **rakyat Malaysia** yang unik dan menarik kepada Lindsay dan keluarganya. Lindsay dan keluarganya mungkin akan menjadi antara ribuan penonton yang akan menyaksikan sambutan hari kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos di **Dataran Merdeka** kelak.

## UNIT 11: Sinar Masa Depan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

- 1 Maksud peribahasa “seperti katak di bawah tempurung” ialah orang yang cetek ilmu pengetahuannya.
- 2 Kelebihan menaip laporan dengan menggunakan komputer ialah laporan tersebut dapat disimpan, dibetulkan, dan dicetak.
- 3 Guru perlu mempersembahkan bahan pengajaran dalam bentuk grafik dan ilustrasi yang berwarna-warni supaya dapat menarik minat murid-murid untuk memberikan tumpuan pada pelajaran. Selain itu, murid-murid akan lebih mudah untuk memahami bahan pengajaran yang disampaikan oleh guru.

#### B. Tatabahasa

- 1 dahulu
- 2 pantas
- 3 lalu
- 4 lama
- 5 hitam
- 6 gembira

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

##### Cadangan Jawapan

Kesan positif penggunaan Internet dalam kalangan pelajar:

- 1 Dapat menerima maklumat dengan mudahnya dan pantas
- 2 Dapat melakukan pertukaran informasi jarak jauh atau dekat
- 3 Dapat menjimatkan kos seperti kos penggunaan telefon
- 4 Dapat menyuarakan pendapat melalui laman sosial yang betul
- 5 Dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris

## UNIT 12: Sains Merentas Kehidupan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Menulis

Perkataan	Makna
1 automotif	berkaitan dengan kenderaan bermotor
2 prototaip	model pertama yang dibina bagi menghasilkan sesuatu yang dapat dijadikan asas bagi menghasilkan model yang lebih baik (canggih)
3 konvensional	berdasarkan yang biasa dilakukan atau diamalkan
4 aksesori	barang tambahan, alat ekstra
5 automatik	semula jadi atau berlaku dengan sendiri tanpa rangsangan
6 aktif	giat bekerja

#### B. Tatabahasa

- 1 Alkisah di hujung kampung negeri Indera Kayangan tinggal nenek kebayang dengan cucu angkatnya.
- 2 “Benar kata-kata tuan hamba itu tadi,” kata Hang Lekir kepada Hang Lekiu.
- 3 “Ya, kami sudah memberitahu Cikgu Amir tentang perkara itu,” kata Laili kepada Dahlia.
- 4 Syahadan, kapal milik Sultan Abdullah itu terus belayar menuju ke Majapahit.
- 5 Hatta, datangnya pemuda miskin itu masuk ke istana menghadap sultan.

### MODUL PP PRAKTIS PRA-PT3 (3)

#### Sistem Bahasa

##### Kesalahan Bahasa

- 1 Kata Ganda
  - (i) alat tulis-alat tulis – alat tulis
  - (ii) burung-burung – burung
  - (iii) merekah-merekah – merekah-rekah
  - (iv) lauk-mauk – lauk-pauk
  - (v) samar-samar – sayup-sayup
- 2 Imbuan Awalan dan Akhiran
  - (i) penyakit – penyakit
  - (ii) lapang – lapangan
  - (iii) penhuni – penghuni
  - (iv) Perkerja – Pekerja
  - (v) kotor – kotoran
  - (vi) Ribu – Ribuan

#### Pemahaman

##### Petikan Prosa

- (i) ... ayahnya bergaji kecil  
... ibunya tidak ada gaji yang tetap
- (ii) ... menghargai – contohnya, Azizah memberikan hadiah kepada Cikgu Zaleha  
... kegigihan – contohnya, Azizah belajar membuat hadiah sendiri untuk diberikan kepada Cikgu Zaleha
- (iii) ... memberikan hadiah kepada guru sebagai tanda menghargai penat lelah mereka  
... belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya dalam setiap peperiksaan

##### Petikan Puisi

“Pantun Dua Kerat (Nasihat)”

- (i) Dua jenis buah yang terdapat dalam pantun di atas ialah buah sintang dan buah senikul.
- (ii) ... mempunyai lima rangkap  
... setiap rangkap terdiri daripada dua baris
- (iii) ... tidak mendapat hasil kerja yang berkualiti  
... segala kerja tidak dapat diselesaikan tepat pada waktunya

#### Karangan

##### Karangan Surat Kiriman Tidak Rasmi

##### Soalan 2

##### Rangka Karangan

###### Pendahuluan

warisan nenek moyang perlu dipertahankan – semua pihak perlu bertindak – mempopularkan permainan tradisional

###### Isi-isi Penting

- (a) peranan kerajaan – mewujudkan prasarana untuk permainan tradisional – menghasilkan produk berasaskan permainan tradisional
- (b) peranan pihak sekolah – memperkenalkan permainan tradisional dalam pembelajaran – penubuhan kelab kebudayaan tradisional
- (c) peranan media massa – menyiarkan dokumentari tentang permainan tradisional – menyiarkan rencana, artikel, gambar atau berita
- (d) peranan masyarakat – memuat naik video tentang cara pembuatan dan cara permainan – memberikan pendedahan kepada generasi muda

###### Penutup

semua pihak perlu berganding bahu – mempopularkan permainan tradisional

## UNIT 13: Lestarikan Kehijauan Bumi

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Mendengar dan Bertutur

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan. Sesungguhnya, projek penanaman pokok jati banyak faedahnya. Antaranya termasuklah projek ini dapat menghijaukan bumi. Pada masa yang sama, projek ini dapat memberikan pulangan yang besar dalam jangka masa panjang juga. Selain itu, permintaan terhadap kayu jati, khususnya terhadap kayu serpih, pulpa, dan kertas pula amat tinggi. Hal ini jelas membuktikan bahawa penanaman pokok jati secara meluas di negara kita amat menguntungkan. Sebanyak 3,000 biji benih pokok jati daripada spesies jati emas yang diimport dari Indonesia akan kita gunakan. Penanamannya mengikut kaedah semeian biji benih kerana melalui kaedah tersebut pokok-pokok dapat membesar dengan rendangnya. Hasilnya mungkin dapat kita peroleh dalam tempoh 5 hingga 15 tahun kemudian. Sekian, terima kasih.

#### B. Menulis

1 Nama aktiviti	Perkhemahan Kelab Pencinta Alam Sekitar Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama
2 Tarikh aktiviti	8 – 9 September 2019
3 Tempoh aktiviti berlangsung	Dua hari
4 Tempat aktiviti	Hutan Lipur Kanching, Rawang
5 Bilangan peserta	40 orang
6 Bilangan guru	Empat orang
7 Tujuan aktiviti	(a) Memberikan peluang kepada anggota persatuan mengetahui tentang kepentingan hutan terhadap alam sekitar (b) Memupuk keyakinan diri murid-murid
8 Aktiviti yang dijalankan	(a) Menanam pokok (b) Mengembara (c) Merentas sungai (d) Majlis penyampaian hadiah dan sijil

## UNIT 14: Selamatkan Bumi Kita

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

Kosa Kata/ Ungkapan	Maksud
1 penghasilan	perbuatan (usaha, kegiatan) menghasilkan, pengeluaran
2 kompleks	mengandungi pelbagai unsur
3 tapak pelupusan	tempat yang dikhaskan untuk proses melupuskan
4 menampung jumlah	menerima dan mengurus bilangan (sesuatu hasil dan lain-lain)
5 berisiko tinggi	menghadapi bahaya yang besar

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

##### Cadangan Jawapan

Cara-cara yang berkesan bagi membantu mengurangkan aktiviti kitar semula:

- Membeli bahan minuman seperti kopi, gula, dan krimer dalam kuantiti yang banyak dan dibancuh dalam bekas yang boleh diguna semula.
- Memakai napkin atau tuala meja yang boleh digunakan semula.
- Menjual barang yang tidak diperlukan lagi apabila berpindah ke rumah baharu.

- Meminimumkan penggunaan kertas dengan menggunakan kedua-dua belah halaman kertas apabila menggunakan mesin fotokopi.
- Mengedarkan dokumen seperti laporan atau memo dalam bentuk mel elektronik.

#### B. Tatabahasa

- 1 kanak-kanak
- 2 Bahan-bahan buangan
- 3 kata-kata
- 4 gatal-gatal
- 5 Cadangan-cadangan
- 6 besar-besaran

## UNIT 15: Pertanian Satu Perniagaan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Mendengar dan Bertutur

- 1 Kalau begitu, saya syorkan encik membeli baka lembu tempatan, iaitu baka lembu Kedah-Kelantan (K-K).
- 2 Baka lembu ini tahan dengan cuaca Malaysia dan tahan jangkitan penyakit.
- 3 Baka lembu Kedah-Kelantan berwarna coklat kemerahan, perang hitam, dan coklat kekuningan.
- 4 Harga bagi seekor baka lembu ini adalah sekitar RM2,600 hingga RM2,800. Harganya bergantung pada berat badan lembu tersebut.
- 5 Umumnya, baka lembu ini ditenak mengikut teknik ragutan di padang, teknik kurungan (fidlot), atau teknik separa intensif.

#### B. Menulis

Pada 19 Oktober 2019, saya telah mengunjungi Ekspo Pertanian Daerah Kajang, 2019. Ekspo tersebut diadakan di Stadium Kajang, Bandar Kajang. Sejak awal pagi lagi, banyak pengunjung yang telah menunggu di luar stadium walaupun ekspo tersebut bermula pada pukul 9:00 pagi. Suasana tersebut membuktikan bahawa ekspo itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia.

#### Aktiviti PAK-21 Kerusi Panas (*Hot Seat*)

##### Cadangan Jawapan

- Murid 1: Berapakah jenis pertanian yang terdapat di Malaysia?
- Pakar Pertanian: Terdapat tiga jenis pertanian yang terdapat di Malaysia, iaitu pertanian pindah, pertanian kebun kecil (sara diri), dan pertanian ladang.
- Murid 2: Apakah kepentingan pertanian kepada negara kita?
- Pakar Pertanian: Kepentingan pertanian kepada negara kita adalah dapat memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat. Selain itu, negara kita dapat mengurangkan pengimportan barangan pertanian. Seterusnya, sumber pendapatan negara akan meningkat.
- Murid 3: Bagaimanakah cara untuk meningkatkan sektor pertanian di negara kita?
- Pakar Pertanian: Cara untuk meningkatkan sektor pertanian di negara kita adalah dengan membuka banyak lagi kawasan pertanian. Kedua, pihak kerajaan perlu menggalakkan rakyat terutamanya golongan belia supaya menceburi bidang pertanian. Seterusnya, pihak kerajaan dan pihak swasta hendaklah mengadakan pameran pertanian untuk mempromosikan produk pertanian yang terdapat di Malaysia.

## UNIT 16: Dunia Baharu Tani

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

##### Cadangan Jawapan

Manfaat-manfaat penganjuran pameran MAHA kepada sektor pertanian negara:

- Untuk mempamerkan perkembangan terkini agromakanan dan pertanian berasaskan industri di Malaysia

- Untuk menggalakkan pemahaman mengenai hala tuju agromakanan dan perniagaan berasaskan pertanian
- Untuk menyediakan platform peluang perniagaan dan pembangunan pada peringkat tempatan dan antarabangsa
- Untuk mendorong dan memotivasi pembangunan generasi muda dan masa depan dalam agromakanan dan industri asas tani
- Bagi menjadikan MAHA sebagai pameran perdagangan yang mampu menarik minat penyertaan syarikat korporat

## B. Tatabahasa

Bil.	Frasa Nama Ayat
1 sawah padi	Sawah padi banyak terdapat di kawasan utara Semenanjung Malaysia terutamanya di Kedah.
2 anak semaian	Mereka sedang mengubah anak semaian ke petak sawah yang telah disediakan.
3 peralatan tradisional	Para petani di sesetengah kawasan di negara kita masih menggunakan peralatan tradisional ketika membajak sawah.
4 kaum wanita	Di tengah sawah padi itu, kelihatan kaum wanita sedang menanam padi.
5 petak sawah	Petak sawah yang terbentang luas di hadapan rumah Pak Yusri kelihatan menguning apabila musim menuai tiba.
6 pokok padi	Batang pokok padi itu melambai-lambai apabila ditiup angin.
7 buah padi	Selepas buah padi menguning, Pak Hamid menuai padi-padinya.
8 tong padi	Tong padi ialah peralatan tradisional yang digunakan untuk memukul pokok-pokok padi yang telah dituai.

## MODUL PP PRAKTIS PRA-PT3 (4)

### Sistem Bahasa

#### Kesalahan Bahasa

Kata Pembena dan Kata Pangkal Ayat

- Hatta – Alkisah
- Maka – Syahadan
- Sebermula – Arakian
- Ya – Benar

#### Kesalahan Ejaan

Keselarasn Vokal

- sebuk – sibuk
- tengkojuh – tengkujuh
- tempoh – tempuh
- telor – telur
- celupar – celopar
- agong – agung

### Pemahaman

#### Petikan Puisi

- Berdasarkan syair tersebut, sifat-sifat pohon buluh yang dapat diteladani oleh manusia ialah hubungan yang erat antara satu dengan yang lain dan sifat saling membantu untuk menjaga hak antara satu dengan yang lain.
- ... anggota masyarakat yang hidup bersaudara  
... anggota masyarakat berkongsi matlamat dan berusaha untuk mencapainya bersama-sama
- ... dapat memudahkan segala kerja  
... segala perancangan kerja dapat dilaksanakan dengan baiknya

### Ulasan dan Ringkasan

Pada 23 April 2018, dari pukul 11:00 pagi hingga 11:10 pagi rakyat Malaysia diminta berhenti sebentar daripada melakukan sebarang aktiviti. Masa selama 10 minit diperuntukkan untuk membaca apa-apa jua bahan bacaan. Program yang diadakan serentak di seluruh Malaysia ini merupakan anjuran bersama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, dan Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM). Tujuan program ini dijalankan adalah untuk mendorong

rakyat. Malaysia mengamalkan budaya membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan membaca kita akan memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan. Selain itu, dengan membaca negara kita akan dapat melahirkan masyarakat yang mahir dalam pelbagai bidang ilmu. Oleh itu, sebagai masyarakat yang prihatin kita hendaklah menyahut seruan kempen tersebut dengan sebaik-baiknya.

### Karangan

#### Karangan Cerita/Cerka

##### Soalan 2

#### Rangka Karangan

##### Pendahuluan

terdengar ketukan pintu – dua anggota polis berdiri di depan pintu – memaklumkan sesuatu – aku tergamam

##### Isi-isi Penting

- ayah tersandar kelesuan – ditahan atas tuduhan membawa barang seludup – tahu bahawa ayah tidak bersalah – telah dianiaya – meminta beliau bersabar
- berusaha membebaskan ayah – mencuba mendapatkan bantuan saudara-mara dan rakan-rakan – gagal – berjumpa dengan guru untuk merayu bantuan
- Cikgu Azhar – mendapatkan khidmat guaman untuk membela ayah – berusaha mengumpulkan bukti – mencari dalang kejadian
- didakwa di mahkamah – harapan untuk bebas tipis – berserah kepada Tuhan

##### Penutup

peguam berjaya membuktikan ayah tidak bersalah – pesalah sebenar masih belum ditangkap – ayah bebas – bersyukur

### FOKUS KBAT

#### Pemahaman (KOMSAS – Prosa Tradisional)

- Nilai pertama yang dapat diperoleh daripada petikan prosa tradisional tersebut ialah nilai kebijaksanaan. Contohnya, anak yatim tersebut bijak menyembunyikan beberapa butir padi di dalam luka yang terdapat pada tumit kakinya untuk dibawa pulang ke bumi. Selain itu, nilai kesopanan. Contohnya, anak yatim tersebut meminta izin dengan cara yang sopan untuk pulang ke bumi. Seterusnya, terdapat juga nilai berwaspada. Contohnya, orang kayangan memeriksa anak yatim tersebut sebelum dia pulang ke bumi.
- Cara yang terbaik untuk kita menyelesaikan sesuatu masalah adalah menerima dan menghadapi masalah tersebut dengan hati yang tenang. Selain itu, kita boleh meminta pendapat daripada orang lain untuk menyelesaikan masalah tersebut. Seterusnya, kita hendaklah berhati-hati dalam membuat sesuatu keputusan untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi agar masalah tersebut tidak menjadi lebih serius.

## UNIT 17: Pengurusan Wang Berhemat

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Menulis

Isu yang berkaitan dengan amalan berbelanja dengan cara berhemat kerap menjadi bahan perbincangan terutamanya pada musim perayaan. Sikap berbelanja melebihi pendapatan perlu kita hindari.

Jika kita berbelanja secara berhemat, kita dapat mengelakkan daripada pembaziran yang merugikan diri sendiri. Oleh itu, kita seharusnya tahu membezakan keperluan dan kehendak ketika membeli-belah. Keperluan merupakan sesuatu yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan dengan sempurna. Contohnya, tempat tinggal, makanan, dan pakaian. Manakala kehendak merupakan sesuatu yang ingin dimiliki seperti barang hiasan rumah mewah dan pakaian berjenama.

Di samping itu, berbelanja secara berhemat membolehkan kita menyimpan wang yang berlebihan untuk kegunaan keluarga juga. Ibu bapa boleh menyimpan wang tersebut ke dalam tabung dan dapat digunakan jika berlaku sebarang kecemasan atau menyimpan di dalam tabung pendidikan anak-anak.

Sikap berbelanja secara berhemat membolehkan kita terhindar daripada bebanan hutang juga. Seseorang yang banyak hutang pastinya tidak akan tenteram. Hal ini dikatakan demikian



kerana pertenggaran boleh berlaku dalam sesebuah keluarga kerana masalah bebanan hutang.

Amalan berbelanja secara berhemat dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri seseorang juga. Contohnya, amalan nilai murni dapat dipupuk apabila seseorang tidak boros ketika berbelanja.

Kesimpulannya, banyak manfaat yang diperoleh daripada amalan berbelanja secara berhemat.

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

#### Cadangan Jawapan

Kelebihan-kelebihan mengatur perbelanjaan bulanan secara “Kaedah Simpan Sampul”:

- Jalan yang terbaik bagi membantu untuk merancang kewangan
- Dapat merancang baki wang secara lebih efektif
- Dapat membantu untuk menambah wang setiap bulan
- Dapat meningkatkan momentum untuk terus mencapai matlamat kewangan yang diinginkan

### B. Tatabahasa

#### 1 FN + FN

- (a) Syuhada anak pengurus Bank Rakyat.
- (b) Cikgu Wahida guru Kemahiran Hidup Perdagangan dan Keusahawanan.

#### 2 FN + FK

- (a) Zulfa menyimpan baki wang sakunya di dalam tabung.
- (b) Hazlin membeli barang dapur secara pukal.

#### 3 FN + FA

- (a) Rahmad bijak mengurus perbelanjaannya.
- (b) Ibu gemar mengamalkan sikap berjimat cermat.

## UNIT 18: Urus Tadbir Kewangan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

- Antara faedah berbelanja secara berhemat termasuklah dapat meningkatkan amalan menabung. Amalan menabung sangat penting supaya kita mempunyai simpanan pada saat-saat kecemasan. Wang saku yang kita peroleh pada setiap hari hendaklah kita simpan sedikit di dalam tabung. Peribahasa ada mengatakan “sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit”.
- Berbelanja secara berhemat dapat menjimatkan perbelanjaan juga. Dalam hal ini, kita perlu merancang pembelian. Senaraikan barang yang hendak kita beli lebih dahulu. Jangan membeli barang lain yang tidak terdapat dalam senarai yang telah kita sediakan.
- Memang benar tetapi kita hendaklah mendisiplinkan diri ketika berbelanja. Berbelanjalah mengikut kemampuan. Berpeganglah pada prinsip “ukur baju di badan sendiri” supaya kita dapat mengelakkan diri daripada beban hutang.
- Ya, amalan berbelanja secara berhemat dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri kita seperti amalan berjimat cermat dan rasional dalam berbelanja.

#### B. Tatabahasa

Kesalahan Ayat	Pembetulan
1 Kamu hendak membeli <b>apakah?</b>	Kamu hendak membeli <b>apa?</b>
2 Saya hendak membeli kertas warna untuk projek buku skrap <b>kemahiran hidup.</b>	Saya hendak membeli kertas warna untuk projek buku skrap <b>Kemahiran Hidup.</b>
3 Oh! begitu.	Oh, begitu!
4 Emma, saya lihat kamu sering membeli peralatan sekolah di koperasi sekolah <b>mengapakah?</b>	Emma, <b>mengapakah</b> saya lihat kamu sering membeli peralatan sekolah di koperasi sekolah?
5 Sikap berjimat cermat perlu kita amalkan dalam <b>belanjaan</b> harian.	Sikap berjimat cermat perlu kita amalkan dalam <b>perbelanjaan</b> harian.
6 Lagipun, di koperasi sekolah kita ini <b>banyak mempunyai pilihan-pilihan.</b>	Lagipun, di koperasi sekolah kita ini <b>banyak mempunyai pilihan.</b>

## UNIT 19: Pesona Malaysia

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

(a) Terdapat tujuh buah pulau dalam rangkaian Pulau Pangkor, iaitu Pulau Pangkor Laut, Pulau Giam, Pulau Dua, Pulau Mentagor, Pulau Tukun Terinduk, Pulau Jarak, dan Pulau Tukun Pekan.	X
(b) Aktiviti seperti berperahu layar, memancing, dan luncur air dapat dilakukan di Pantai Pasir Bogak.	✓
(c) Pantai Pasir Bogak berbentuk bulan sabit dan diberi jolokan kolam renang terbesar di dunia.	✓
(d) Perjanjian Pangkor membenarkan residen British campur tangan dalam soal keagamaan dan adat istiadat orang Melayu.	X

#### Aktiviti PAK-21: Pembentangan Hasil Sendiri

##### Cadangan Jawapan

Tanah Tinggi Cameron

- Udara di Tanah Tinggi Cameron sungguh nyaman.
- Mempunyai ladang teh yang besar dan pemandangannya sungguh indah.
- Para pelancong boleh menikmati keenakan strawberi yang segar dari ladang.
- Para pelancong boleh mengunjungi Taman Agroteknologi MARDI yang mempunyai pelbagai tanaman.
- Lembah Kaktus merupakan sebuah kawasan yang mempunyai ratusan pokok kaktus yang terdiri daripada pelbagai bentuk dan saiz.
- Terdapatnya Muzium Time Tunnel yang mempamerkan sejumlah 1740 barang bersejarah.
- Pengunjung boleh menikmati keindahan air terjun di Lata Iskandar ketika dalam perjalanan menuju ke Tanah Tinggi Cameron.

#### B. Menulis

Terdapat beberapa faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan. Faktor pertamanya, kebanyakan hospital di negara ini mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa dan mempunyai tahap kualiti perubatan yang tinggi. Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menarik lebih banyak pelancong kesihatan. Hal ini dikatakan demikian kerana negara kita mampu menyediakan perkhidmatan pelancongan kesihatan yang terbaik sekali gus dapat membantu kemajuan industri yang berkaitan dengan pelancongan negara.

Faktor yang kedua, kemajuan dalam perkhidmatan perubatan swasta. Lebih istimewa, pusat perubatan swasta di Malaysia menawarkan pelbagai pilihan penginapan. Kos penginapan hospital bergantung pada pilihan pesakit sama ada mahu memilih penginapan yang mewah atau penginapan yang selesa. Para pelancong kesihatan turut mendapat layanan bertaraf dunia. Hal ini dapat meningkatkan imej negara di mata dunia dalam bidang pelancongan kesihatan.

Seterusnya, Malaysia amat sesuai sebagai destinasi pelancongan kesihatan kerana terdapat banyak pusat perubatan persendirian yang lengkap dengan peralatan canggih serta doktor pakar yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi. Dengan adanya kemajuan peralatan tersebut pembangunan prasarana atau infrastruktur negara kita semakin meningkat.

Kesimpulannya, setiap rakyat hendaklah bekerjasama memajukan industri pelancongan kesihatan agar Malaysia terus mendapat perhatian para pelancong kesihatan di seluruh dunia.

## UNIT 20: Indahny Bumi Bertuah

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

##### Perenggan Kedua:

Idea Sampingan: Air Terjun Buaya Sangkut merupakan kawasan air terjun yang paling cantik.

### Perenggan Ketiga:

Idea Utama: Taman negara ini kaya dengan flora dan fauna eksotik.

### Perenggan Keempat:

Idea Sampingan: Terdapat empat tapak perkhemahan yang dapat menampung kira-kira 300 orang.

## B. Menulis

Kesalahan Ejaan/ Tanda Baca/Nahu	Pembetulan
1 sang puteri gunung ledang	Sang Puteri Gunung Ledang
2 para-para pengunjung	para pengunjung
3 rekriasi	rekreasi
4 Pada taman ini	Di taman ini
5 Keindahan alam sekitarnya yang tidak tercemar!	Keindahan alam sekitarnya yang tidak tercemar,
6 amat sangat memikat hati	amat/sangat memikat hati
7 meminimukan	meminimumkan
8 penguat kuasa	penguatkuasaan

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

#### Cadangan Jawapan

Tip-tip yang boleh diamalkan apabila telah menetapkan tarikh dan tempat percutian:

- Mulakan menabung seawal mungkin dengan mengasingkan duit persiapan percutian ke dalam tabung khas.
- Membuat pendaftaran tempat penginapan yang bakal anda kunjungi semasa bercuti kelak.
- Menyediakan anggaran perbelanjaan harian semasa bercuti, termasuklah kos penginapan, makan, minum, pengangkutan, dan cenderamata yang akan anda beli.
- Mengasingkan lebih kurang 20 peratus daripada anggaran perbelanjaan percutian anda untuk dana kecemasan yang amat berguna jika berlakunya sebarang perkara yang tidak dijangka semasa percutian kelak.
- Menyenaraikan nama ahli keluarga dan rakan yang akan anda berikan cenderamata bagi mengelakkan anda membeli buah tangan secara berlebihan.

## MODUL PP PRAKTIS PRA-PT3 (5)

### Sistem Bahasa

#### Kesalahan Bahasa

Frasa Nama

- Ceongsam-ceongsam – Ceongsam
- cili serbuk – serbuk cili
- Semua pengawas-pengawas – Semua pengawas
- Lain-lain masalah – Masalah-masalah lain
- rakyat-rakyat – rakyat

#### Kesalahan Ejaan

Kekecualian Keselaran Vokal

- awit – awet
- dukumen – dokumen
- mengesik – mengesek
- tulin – tulen
- Perabut – Perabot

#### Pemahaman

##### Petikan Prosa

- ... menuduh anaknya berbohong tanpa usul periksa  
... merotan anaknya sehingga berbirat
- ... personifikasi – contohnya, Bebola matanya mundar-mundir  
... simile – contohnya, Kaurotan budak itu bagai nak gila
- ... tidak mementingkan diri sendiri  
... melayan kerenah ahli keluarga dengan penuh kesabaran

#### Novel

##### Praktis 1

###### Novel Destinasi Impian

- kita hendaklah bersikap baik hati supaya orang yang susah dapat dibela – contohnya, Johari, Azlina, dan Firdaus yang

berbasikal sejauh 50 kilometer telah disambut ketibaannya di Pantai Morib Baru oleh rakan-rakan Johari dengan menyediakan khemah dan makanan

- kita mestilah bersikap prihatin supaya orang yang ditimpa musibah tidak berhadapan dengan masalahnya bersendirian – contohnya, Johari segera mengayuh basikalnya bagi mendapatkan Azlina yang terjatuh dan dia segera membalut luka di tangan Azlina
- kita mestilah berani menentang sikap negatif supaya sikap tersebut tidak menghalang kita untuk mencapai kejayaan – contohnya, Azlina berani menentang sikap abangnya, Firdaus yang asyik merungut keletihan dan ingin membatalkan perjalanan berbasikalnya sehingga Firdaus Berjaya menamatkan ekspedisi berbasikal tersebut sampai ke destinasi

##### Novel Sejambak Bakti

- Kita perlulah cekal dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran. Contohnya, Razali cekal berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang dicipta oleh Munir dan rakan-rakannya kerana cemburu akan kejayaannya mengurus koperasi sekolah.
- Kita perlulah bertanggungjawab dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Contohnya, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan telah menjalankan tugas mereka dengan penuh rasa tanggungjawab.
- Sebagai ibu, kita mestilah mempunyai nilai kasih sayang yang tinggi terhadap anak kandung sendiri. Contohnya, apabila Razali dihalau oleh ayah tirinya, Mak Sopiah tegas menyatakan bahawa dia juga akan keluar dari rumah tersebut bersama-sama dengan Razali.

##### Novel Pelari Muda

- Kita hendaklah mengamalkan sikap sopan santun dalam kehidupan supaya orang lain menyenangi kita. Contohnya, Kamarul yang telah berubah daripada sikap sombong dan bongkak disenangi oleh rakan-rakannya, malah mereka mengiringinya di lapangan terbang untuk ke Sukan SEA di Bangkok.
- Kita mestilah bersikap tegas dalam menjalankan tugas supaya tindakan kita adil dan saksama. Contohnya, Adibah bertindak tegas dengan menegur Kamarul walaupun Kamarul seorang yang popular dan telah mengharumkan nama negara dalam olahraga.
- Kita mestilah bersikap teliti dalam melaksanakan tugas agar tugas yang dilaksanakan memberikan impak yang positif. Contohnya, Encik Kadir begitu teliti dengan latihan dan tahap kecergasan pelatihnya dan setelah mengadakan beberapa siri ujian kecergasan dan kepantasan, baharulah dia menetapkan acara untuk pelatihnya.

##### Novel Formula Termodinamik

- Kita perlulah berusaha dengan gigihnya dan ikhlasnya dalam melakukan sesuatu perkara. Contohnya, melalui projek mesin 2 dalam 1 yang telah dihasilkan oleh Amir dan Usamah dengan penuh kegigihan dan keikhlasan, mereka berjaya mendapat tajaan biasiswa untuk menyambung pelajaran ke luar negara dan sekali gus memenangi Anugerah Saintis Muda.
- Kita perlulah bijak menggunakan teknologi komputer dalam era yang serba moden ini. Contohnya, Amir dan Usamah dapat menyekat kebocoran data Syarikat Bahagia melalui kebijaksanaan mereka mengendalikan teknologi komputer.
- Kita mestilah mendengar nasihat ibu bapa. Contohnya Aswan berasa sangat menyesal kerana tidak mendengar nasihat ibunya yang menghalangnya ke rumah Majibon untuk meraikan sambutan Hari Krismas setelah dia lemas dihanyutkan oleh arus banjir yang begitu deras.

#### Praktis 2

##### Novel Destinasi Impian

Watak utama – Firdaus

Sebab-sebab:

- seorang yang gemar merungut dan marah-marah tetapi berubah menjadi positif dan bertanggungjawab – contohnya, Firdaus

yang sering merungut dan marah-marah akan adiknya, Azlina dan Johari, akhirnya berubah menjadi positif selepas peristiwa lemas di Pantai Morib

- (b) sanggup menyahut cabaran – contohnya, Firdaus yang pada awalnya tidak mahu mengikut ekspedisi ke Pantai Morib bersama-sama Johari dengan Azlina akhirnya bersetuju untuk menyahut cabaran datuknya itu
- (c) mementingkan persahabatan – contohnya, dia sanggup menyelamatkan Mazlinda yang lemas di Pantai Morib walaupun dia tidak pandai berenang

#### **Novel *Sejambak Bakti***

Watak utama – Razali

Sebab-sebab:

- (a) berkepemimpinan – contohnya, Razali telah dipilih sebagai penolong setiausaha ahli lembaga pengarah koperasi sekolahnya
- (b) bijak – contohnya, Ramlah, Saridevi, dan Rozita datang bertandang ke rumah Razali untuk berbincang tentang kerja rumah Perdagangan yang diberikan oleh Cikgu Saiful kerana Razali bijak dalam mata pelajaran tersebut
- (c) cekal – contohnya, Razali cekal menghadapi pelbagai dugaan yang dicipta oleh Munir dan rakan-rakannya kerana Munir begitu iri hati akan jawatan yang disandang oleh Razali dan hubungan Razali yang terlalu mesra dengan Ramlah

#### **Novel *Pelari Muda***

Watak utama – Kamarul

Sebab-sebab:

- (a) murid yang aktif dalam bidang sukan – contohnya, Kamarul telah mewakili negara dalam sukan olahraga ke Sukan SEA di Brunei dan Bangkok
- (b) sedar akan kesilapan diri – contohnya, setelah Kamarul menghadapi kemalangan, dia sedar akan segala kesilapannya dan berazam untuk menjadi seorang ahli sukan yang lebih berdisiplin
- (c) bersemangat tinggi – contohnya, setelah Kamarul berjumpa dengan De Wega, iaitu seorang pelari Filipina yang terkenal, dia merasakan semangat baharu menerpa dalam dirinya dan berbekalkan semangat tersebut, dia berjaya mendapat pingat emas dalam Sukan SEA kali ke-14 di Bangkok

#### **Novel *Formula Termodinamik***

Watak utama – Amir

Sebab-sebab:

- (a) kreatif dan inovatif – contohnya, Amir berjaya mengubah suai fungsi mesin rumput terpakai menjadi mesin yang dinamakan 2 dalam 1 dengan menggunakan Formula Dua Hukum Populer Termodinamik
- (b) mudah menghulurkan bantuan – contohnya, Amir sedia membantu dan menyelamatkan mangsa banjir besar yang lemas dibawa arus pada malam Majlis Sambutan Hari Krismas tersebut
- (c) pemaaf – contohnya, apabila Aswan meminta maaf kepada Amir semasa menyelamatkannya, Amir dengan rendah hati memaafkan Aswan dan tidak berdendam walaupun kesalahan tersebut sangat besar buat Amir dan Syarikat Bahagia

#### **Ulasan dan Ringkasan**

- 1 mengambil berat akan aspek kebersihan sungai
- 2 membuang sampah ke dalam sungai
- 3 menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai
- 4 menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan penjagaan sungai
- 5 penyelenggaraan kebersihan sungai secara berkala.

### **UNIT 21: Sejarah Mengajar Erti Kehidupan**

#### **MODUL PBD PRAKTIS DSKP**

##### **A. Mendengar dan Bertutur**

Keistimewaan yang pertama ialah bangunan tersebut cukup unik. Keistimewaan yang kedua pula bangunan bersejarah ini memiliki nilai estetika yang unggul. Keistimewaan yang seterusnya, dengan

adanya bangunan bersejarah, rakyat dapat mengimbu sejarah tanah air kita kembali. Akhir sekali, bangunan bersejarah dijadikan bangunan pentadbiran negara.

##### **B. Membaca**

biografi; ulung; pelopor; memorial; signifikan; markas; khazanah; antik; maslahat; memorabilia

##### **Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa**

##### **Cadangan Jawapan**

Manfaat murid-murid melakukan lawatan sambil belajar ke insituti pengajian tinggi:

- Untuk memberikan pendedahan kepada mereka tentang suasana sebenar di kampus
- Untuk membolehkan mereka merasai kehidupan sebenar sebagai seorang mahasiswa
- Untuk memberikan pendedahan kepada mereka sebelum melangkah ke menara gading
- Untuk memberikan motivasi kepada mereka agar lebih bersemangat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi

### **UNIT 22: Seni Warisan Anak Bangsa**

#### **MODUL PBD PRAKTIS DSKP**

##### **A. Menulis**

**Ayat Topik:** Betitik ialah permainan alat-alat muzik tradisi yang merupakan warisan seni kaum Bajau di Sabah.

**Ayat Huraian:** Alat-alat muzik tradisi itu terdiri daripada gong, gong kecil, gendang, dan kulintangan.

**Ayat Topik:** Tarian Sumazau ialah sejenis tarian tradisi suku kaum Kadazandusun yang amat popular di negeri Sabah.

**Ayat Huraian:** Tarian ini sering dipersembahkan semasa menyambut Tadau Kaamatan yang bermaksud “Hari Penuaian” pada setiap bulan Mei.

##### **Aktiviti PAK-21: Fikir-Pasangan-Kongsi (*Think-Pair-Share*)**

##### **Cadangan Jawapan**

Bahan Rangsangan: Congkak

Idea Murid 1:

Dua orang pemain diperlukan dalam permainan ini. Mereka perlu duduk menghadap antara satu dengan yang lain. Untuk memulakan permainan, sebanyak tujuh biji guli akan diisikan ke dalam setiap kampung dan rumah dibiarkan kosong. Selepas itu, pemain akan memulakan permainan dengan serentak. Mereka akan mengambil guli dan memasukkannya secara satu persatu ke dalam setiap kampung menuju ke rumah masing-masing menurut arah pusingan jam, sehingga salah seorang berhenti di lubang yang kosong.

Idea Murid 2:

Seterusnya, pemain yang seorang lagi akan meneruskan permainan sehingga dia berhenti di lubang yang kosong juga. Kemudian, setiap pemain akan bergilir-gilir memasukkan guli tersebut sehingga guli di bahagian rumahnya habis. Pada akhir permainan, guli tersebut akan dikira dari rumah masing-masing. Pemain yang memiliki guli yang terbanyak akan dianggap sebagai pemenang.

##### **B. Tatabahasa**

- 1 terkenal
- 2 berseni
- 3 wujud
- 4 berjaya
- 5 berkualiti
- 6 belajar
- 7 menjadi
- 8 pulang

### **UNIT 23: Jasmani Cergas**

#### **MODUL PBD PRAKTIS DSKP**

##### **A. Mendengar dan Bertutur**

- 1 Sebenarnya, dalam apa-apa bidang pun disiplin sangat penting untuk mencapai kejayaan. Memanah bukanlah sukan

yang mudah. Oleh itu, saya mematuhi jadual latihan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Contohnya, saya akan menghadiri kelas memanah pada setiap petang.

- 2 Dari segi pemakanan, saya mengutamakan makanan yang seimbang. Pemakanan seimbang menjamin kesihatan yang baik. Jika tahap kesihatan kita berada dalam keadaan baik, maka kita akan dapat menjalani aktiviti harian tanpa sebarang halangan.
- 3 Memang benar. Saya berpendapat bahawa kejayaan tidak akan datang bergolek. Sebaliknya, kita perlu berusaha dengan sungguh-sungguh. Oleh itu, saya mengambil inisiatif melayari laman sesawang untuk mencari maklumat tentang teknik-teknik memanah serta menonton video yang mempamerkan kemahiran memanah. Dari situ, saya mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh tanpa rasa jemu.

## B. Tatabahasa

- 1 pilihan: Terdapat banyak pilihan kelab sukan dan permainan di sekolah yang boleh disertai oleh murid-murid.
- 2 sasaran: Golongan sasaran dalam program “Jom Riadah Bersama!” ialah golongan remaja dan belia.
- 3 tekanan: Aktiviti riadah yang dilakukan dapat mengurangkan tekanan perasaan dalam diri seseorang.
- 4 perenang: Sofea giat menjalani latihan renang untuk mencapai cita-cita menjadi perenang profesional.
- 5 penunggang: Semua penunggang kuda sudah bersedia di lorong masing-masing untuk memulakan perlumbaan itu.

## UNIT 24: Cergas Aktif

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

- 1 terlibat = termasuk atau terbabit dalam sesuatu hal
- 2 toleransi = sikap sabar dan bertolak ansur
- 3 melaksanakan = menjalankan, melakukan, menunaikan
- 4 menangani = mengatasi, menyelesaikan
- 5 meredah = menempuh, mengharung
- 6 kembara = mengembara pergi ke mana-mana, menjelajah
- 7 kerjasama = saling membantu, kerja bersama-sama
- 8 motivasi = keinginan atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan
- 9 bertuah = beruntung, bernasib baik
- 10 mencabar = menguji kemampuan dan ketabahan seseorang

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

##### Cadangan Jawapan

Manfaat yang diperoleh murid melalui aktiviti-aktiviti di kem motivasi:

- Aktiviti mendirikan khemah – dapat menyemaikan sikap bantu-membantu dan kerjasama dalam diri
- Sesi soal jawab – menyemaikan sikap berani untuk mengeluarkan pendapat
- Pertandingan memasak dan mendirikan khemah – melatih diri untuk berdikari
- Merentas hutan dan halangan – dapat melatih diri agar berani dan tabah untuk menghadapi cabaran
- Mengutip botol-botol kosong dan sampah sarap – dapat melatih diri agar bersikap tanggungjawab terhadap alam sekitar

#### B. Menulis

Muhammad Ziyad Zolkefli ialah atlet paralimpik negara bagi acara lontar peluru kategori F20 lelaki. Beliau dilahirkan pada 15 Mac 1990 di Selangor. Muhammad Ziyad merupakan anak sulung daripada empat beradik. Ibu beliau bernama Siti Arfah Abdul Rashid, manakala ayahnya bernama Zolkefli Othman. Muhammad Ziyad mengalami masalah pembelajaran sejak tadika.

Muhammad Ziyad menceburkan diri dalam arena sukan paralimpik kerana minatnya yang mendalam sejak sekolah rendah. Ibu bapa dan ahli keluarganya turut menjadi pendorong kerjayanya itu. Kejayaan yang diperoleh pada kejohanan sebelumnya menjadi pencetus semangat kepada Muhammad Ziyad untuk terus berusaha memburu impiannya.

Pencapaian yang diperoleh Muhammad Ziyad amat membanggakan. Beliau berjaya memperoleh tempat dalam

beberapa kejohanan sepanjang lima tahun berturut-turut. Beliau mula menempa nama apabila berjaya memperoleh pingat gangsa pada Kejohanan Paralimpik 2012 di London. Seterusnya, beliau memenangi pingat emas dalam kejohanan yang sama pada tahun 2016 di Rio, Brazil. Selain itu, Muhammad Ziyad diiktiraf sebagai Atlet Paralimpik Negara Terbaik bagi Tahun 2013.

Muhammad Ziyad meletakkan harapan untuk terus mencipta kejayaan pada kejohanan-kejohanan yang lain dan mengharumkan nama negara. Beliau juga mahu menjadi atlet nombor satu dunia suatu hari nanti.

## MODUL PP PRAKTIS PRA-PT3 (6)

### Sistem Bahasa

#### Kesalahan Bahasa

Kata Perintah

- (i) Tolong – Harap
- (ii) Minta – Jangan
- (iii) Jemput – Tolong
- (iv) Sila – Jangan
- (v) Harap – Tolong
- (vi) Sila – Minta

#### Sintaksis

Ayat Dasar

- (i) FN + FA
- (ii) FN + FS
- (iii) FN + FN
- (iv) FN + FS
- (v) FN + FN
- (vi) FN + FK

#### Pemahaman

##### Petikan Puisi

- (i) ... menjadi tempat unggas bercanda dengan riangnya  
... tempat unggas bernaung daripada bahang matahari
- (ii) ... hiperbola – contohnya, dari tusukan bahang memijar  
... personifikasi – contohnya, tempat bercanda unggas meriang
- (iii) ... golongan miskin tidak mendapat pembelaan  
... keharmonian masyarakat akan tergugat

#### Karangan

##### Karangan Keperihalhan

##### Soalan 2

##### Rangka Karangan

##### Pendahuluan

15 September 2019 – menganjurkan Program Gotong-royong Perdana – kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) – sambutan menggalakkan

##### Isi-isi Penting

- (a) aktiviti bermula – Pengetua menyampaikan ucapan – senaman ringkas – bersemangat untuk memulakan aktiviti gotong-royong
- (b) membahagikan peserta kepada beberapa kumpulan dan lokasi – taklimat kepada peserta – bergerak ke lokasi yang ditetapkan
- (c) kawasan taman sekolah diurus oleh kaum ibu – dibantu pasukan Pandu Puteri – membersihkan pasu bunga – kolam ikan dibersihkan
- (d) kaum bapa membersihkan longkang – membaiki perabot kelas yang rosak

##### Penutup

selesai pada pukul 12:30 tengah hari – kawasan sekolah bersih – bersurai

#### FOKUS KBAT

##### Novel

##### Novel *Destinasi Impian*

Perwatakan watak sampingan pertama, iaitu Azlina dalam novel ini ialah Azlina pandai berkata-kata. Contohnya, dia pandai mematahkan hujah atau kata-kata Firdaus. Selain itu, Azlina seorang yang berani. Contohnya, dia selalu menyindir abangnya,

Firdaus yang asyik hendak membatalkan ekspedisi berbasikal ke Morib itu. Azlina juga seorang yang penyayang. Contohnya, dia tidak sampai hati mahu membiarkan abangnya, Firdaus pulang berseorangan dari Morib ke Klang.

Perwatakan watak sampingan kedua, iaitu Mazlina dalam novel ini ialah Mazlina seorang yang berani. Contohnya, dia berani menyelamatkan Firdaus yang lemas di laut. Selain itu, Mazlina menghargai kejayaan orang lain. Contohnya, dia berasa bangga akan kejayaan Firdaus mengayuh basikal dari Klang ke Morib. Mazlina bijak menyesuaikan diri juga dengan sesuatu keadaan. Contohnya, dia berpura-pura tidak pandai berenang kerana mahu menguji Firdaus.

### Novel *Formula Termodinamik*

Perwatakan watak sampingan pertama, yang terdapat dalam novel ini ialah Usamah. Usamah mahir dalam bidang komputer. Contohnya, dia berjaya menerbitkan kod baharu serta menyekat pengaliran storan data Syarikat Bahagia. Dia berjaya juga mengesan stesen penjenayah tersebut. Selain itu, Usamah sangat kreatif dan inovatif. Contohnya, dia dan Amir berjaya memenangi Anugerah Saintis Muda melalui rekaan mesin 2 dalam 1. Kejayaan itu membolehkannya juga mendapat pembiayaan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Seterusnya, Usamah prihatin dan mengambil berat akan hal rakan-rakannya. Contohnya, dia mengambil berat akan Amir dan berasa bimbang apabila melihat keadaan Amir yang tidak dapat menerima kenyataan kerana formula mesin 2 dalam 1 hilang. Usamah mengejar Amir yang berlari ke puncak gunung untuk melepaskan tekanan dan mengajak Amir ke masjid untuk menunaikan solat maghrib.

Perwatakan watak sampingan kedua dalam novel ini ialah Aswan. Aswan suka mengambil kesempatan terhadap orang lain. Contohnya, dia mengambil kesempatan terhadap kebaikan Amir dan Usamah yang telah menerangkan mesin 2 dalam 1 yang dihasilkan oleh mereka dengan mencuri formula mesin tersebut. Selain itu, Aswan tidak mudah berputus asa. Contohnya, dia tidak berputus asa untuk mendapatkan storan data baharu dan telah meramalkan beberapa nombor digital. Akhirnya, dia berjaya menggodam maklumat Syarikat Bahagia. Seterusnya, Aswan menyesali kesilapannya. Contohnya, dia meminta maaf kepada Amir dan menyatakan bahawa dia berdosa terhadap Amir kerana telah mencuri formula tersebut dan menceroboh storan data Syarikat Bahagia.

### Novel *Pelari Muda*

Perwatakan watak sampingan pertama yang terdapat dalam novel ini ialah Saridah. Saridah seorang yang jujur. Contohnya, dia memohon maaf kepada Kamarul dan mendoakan kejayaan Kamarul di Bangkok. Selain itu, Saridah seorang yang perahsia. Contohnya, dia tidak mahu orang lain mengetahui hal-hal dirinya walaupun teman baiknya sendiri. Seterusnya, Saridah seorang yang baik hati. Contohnya, dia membelanjai Juriah dan tetap melawat Kamarul di hospital akibat kemalangan walaupun perasaannya pernah dilukai oleh Kamarul.

Perwatakan watak sampingan kedua yang terdapat dalam novel ini ialah Encik Kadir. Dia seorang yang tegas. Contohnya, Encik Kadir mengarahkan Kamarul melakukan larian sebanyak lapan kali mengelilingi padang kerana lewat datang untuk menjalani latihan. Selain itu, Encik Kadir seorang yang teliti. Contohnya, Encik Kadir sentiasa meneliti tahap kecergasan dan kepantasan pelatuhnya. Seterusnya, Encik Kadir seorang yang pemurah. Contohnya, Encik Kadir sanggup memberikan pingat yang dimenanginya kepada Kamarul sebagai pembakar semangat.

### Novel *Sejambak Bakti*

Perwatakan watak sampingan yang terdapat dalam novel ini ialah Mak Sopiah. Mak Sopiah seorang yang penyayang. Contohnya, Mak Sopiah amat menyayangi anaknya, Razali sehingga sanggup meninggalkan suaminya, Pak Zakaria yang telah menghalau Razali dan mengikut ke mana-mana sahaja anaknya pergi. Selain itu, Mak Sopiah seorang yang perahsia. Contohnya, Mak Sopiah tidak membuka cerita tentang bapa Razali walaupun telah berkali-kali ditanya oleh Razali. Akhirnya, Pak Ramli yang menerangkan bahawa beliau ialah bapa kandung Razali yang sebenarnya. Mak

Sopiah tidak mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ibu dan isteri juga. Contohnya, Mak Sopiah sentiasa menjaga makan, minum Razali dan suaminya, Pak Zakaria. Contohnya, Mak Sopiah telah menghidangkan air kopi dan pisang goreng untuk Razali dan kawan-kawannya.

Perwatakan watak sampingan kedua, iaitu Cikgu Zulkifli merupakan seorang yang bijak. Contohnya, beliau bijak memerangkap penceroboh kedai koperasi sekolah dengan menandakan duit RM10 dengan huruf 'K'. Selain itu, Cikgu Zulkifli bertanggungjawab dan berdedikasi. Contohnya, beliau berusaha untuk memajukan kedai koperasi sekolah dan menggalakkan murid-murid melibatkan diri dalam pengurusan koperasi sekolah. Seterusnya, Cikgu Zulkifli sentiasa menegakkan keadilan. Contohnya, beliau membawa Munir, Leong, dan Silvam menghadap Pengetua setelah mengetahui peristiwa Razali dipukul oleh mereka. Beliau juga menangkap penceroboh koperasi supaya dapat membersihkan nama Razali.

## UNIT 25: Malaysia Hab Industri Makanan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP


#### A. Mendengar dan Bertutur

Asyraf menepuk bahu Raden sambil mengatakan bahawa dia memaafkan rakannya itu. Asyraf berterima kasih kepada Raden juga kerana mahu menemaninya mengunjungi pesta buah-buahan. Oleh hal yang demikian, dia tidak keseorangan.

Mereka memerhatikan gelagat pengunjung yang sedang menikmati buah-buahan tempatan seperti durian, manggis, rambutan, pisang, dan lain-lain. Pesta buah-buahan itu dikunjungi banyak orang dan sangat meriah. Penjaga gerai buah-buahan begitu sibuk melayani pengunjung yang datang ke gerai mereka.

Asyraf dan Raden membuat bayaran sebanyak RM15 untuk menikmati pelbagai buah. Mereka menikmati buah durian daripada baka terbaik yang diambil daripada beberapa daerah di negeri Perak dan di negeri Pahang. Buah durian yang terdapat di situ seperti durian kampung, durian gred D24, dan durian klon seperti Musang King. Raden mengatakan bahawa penganjuran pesta tersebut dapat meningkatkan kesedaran tentang kebaikan dan kelebihan buah-buahan tempatan.

#### B. Membaca



#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

##### Cadangan Jawapan

Langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk memajukan industri pemrosesan buah-buahan negara:

- Menjalankan penanaman secara berperingkat supaya buah-buahan dapat diperolehi secara berterusan
- Menggalakkan penanaman buah-buahan setempat secara ladang yang khusus untuk tujuan pemrosesan
- Mempelbagaikan hasil keluaran buah-buahan, misalnya buah-buahan diproses menjadi jeruk, jem, halwa, dan sebagainya
- Menyediakan kemudahan menyimpan buah-buahan yang sempurna dan berteknologi tinggi agar buah-buahan tidak cepat rosak
- Menggunakan teknologi moden sepenuhnya dalam kerja-kerja pemrosesan buah-buahan

## UNIT 26: Usahawan Berwibawa

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Menulis

Koperasi sekolah memainkan peranan dalam memberikan pengalaman yang berguna kepada murid-murid. Murid yang menjadi ahli koperasi diberikan tanggungjawab untuk mengurus perniagaan di kedai koperasi sekolah. Mereka dapat mempelajari cara mengendalikan dokumen urus niaga seperti rekod simpanan stok dan penyata aliran wang tunai. Pengalaman ini akan menjadi bekal pada masa depan apabila mereka berminat untuk menceburi bidang keusahawanan kelak.

Selain itu, koperasi sekolah perlu mengadakan mesyuarat agung tahunan untuk membincangkan hal-hal dan aktiviti koperasi. Oleh itu, murid akan mendapat peluang untuk mengendalikan mesyuarat tersebut. Guru penasihat akan membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada mereka bagi menyediakan laporan kewangan dan laporan tahunan. Amalan demokrasi turut dipraktikkan melalui pemilihan ahli jawatankuasa pada setiap kali mesyuarat agung diadakan.

Koperasi sekolah memainkan peranan juga untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anggotanya. Murid-murid dituntut agar mengutamakan sifat amanah dan berjimat cermat dalam urusan jual beli barang dan perkhidmatan. Koperasi sekolah bertanggungjawab

untuk menggalakkan murid-murid menabung dalam kehidupan seharian dan sedia melabur dalam perniagaan yang dijangka membawa keuntungan.

Di samping itu, peranan koperasi sekolah termasuklah memberikan kefahaman dan pengetahuan kepada murid. Oleh hal yang demikian, mereka dapat memahami selok-belok bidang keusahawanan. Peranan koperasi dalam usaha melahirkan bakal usahawan muda turut diperkukuh dengan kerjasama daripada pihak tertentu. Contohnya, mereka menganjurkan seminar, kursus, dan bengkel untuk ahli koperasi sekolah.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa koperasi sekolah mampu melahirkan usahawan muda. Hal ini dikatakan demikian kerana murid yang komited dan berdedikasi dalam perniagaan koperasi mampu menggegarkan dunia keusahawanan pada masa depan.

#### B. Tatabahasa

- 1 Ayah Amsyari pengurus kilang pemprosesan getah.
- 2 Berita itu tentang kejayaan seorang pengusaha batik Terengganu.
- 3 Projek penternakan ikan air tawar Pak Hamid sungguh maju.
- 4 Puan Kartina memasarkan produk kosmetiknya ke luar negara.

## UNIT 27: Menuju Puncak Jaya

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Menulis

Aku berasa sungguh sedih. Keputusan ujian Matematikku kurang baik. Paling tinggi markah yang aku peroleh ialah 35 peratus sahaja.

Saat yang paling aku bimbang adalah semasa hendak menunjukkan rekod kemajuan untuk ditandatangani oleh ayah. Ayah memarahi aku kerana sikapku yang malas mengulang kaji pelajaran. Sebaliknya, aku lebih suka duduk di hadapan televisyen untuk menonton rancangan kegemaranku. Apabila dipaksa untuk mengulang kaji pelajaran, baharulah aku membuka buku pelajaran.

Tiba-tiba sahaja aku teringat akan kata-kata Cikgu Fikri yang menasihati aku supaya tidak mudah berputus asa. Kata beliau, orang yang berjaya ialah orang yang rajin berusaha dan tidak cepat mengalah. Nasihat Cikgu Fikri itu telah menaikkan semangatku. Kali ini aku bertekad untuk membuang tabiat burukku. Aku banyak meminta tunjuk ajar daripada Cikgu Fikri. Aku berazam untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

Sebulan kemudian, aku menduduki peperiksaan akhir tahun. Aku menjawab semua kertas peperiksaan dengan sebaik-baik mungkin. Tiba pada hari keputusan peperiksaan, aku berjaya memperoleh markah yang tinggi dalam subjek Matematik. Aku berasa amat gembira kerana usahaku akhirnya membuahkan hasil. Benarlah kata orang, "hendak seribu daya, tidak mahu seribu dalih".

## Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

### Cadangan Jawapan

Tip-tip belajar yang berkesan:

- Merangsang kesemua deria dalam pembelajaran
- Sentiasa fokus ketika guru mengajar dan tidak mengamalkan sikap bertangguh dan malas
- Sering bertanya kepada guru
- Mengulang kaji pelajaran semula selepas sesi pembelajaran di dalam kelas tamat.
- Belajar mengikut waktu yang sesuai dengan diri
- Memanfaatkan kemahiran mengingat termasuklah menampal nota-nota penting pada dinding serta menggunakan kaedah akronim dan peta *i-THINK*
- Membuat jadual belajar dan mematuhi jadual tersebut
- Menampal maklumat yang rumit di tempat yang biasa dilihat di rumah
- Memberikan ganjaran kepada diri sendiri selepas berjaya dalam peperiksaan
- Sentiasa berbuat baik kepada guru dengan menghormati dan mematuhi nasihat mereka

#### B. Tatabahasa

Kesalahan Ayat	Pembetulan
1 Oh! Vivian rupa-rupanya.	1 Oh, Vivian rupa-rupanya!
2 Pertandingan tadi turut disaksikan oleh kamu?	2 Kamu turut menyaksikan pertandingan tadi?
3 Saya berasa terlalu bangga sekali atas kejayaan kamu.	3 Saya berasa bangga sekali atas kejayaan kamu.
4 Banyak penonton yang mengagumi sungguh persembahan kamu.	4 Banyak penonton yang sungguh mengagumi persembahan kamu.
5 Saya yakin akan kemampuan kamu?	5 Saya yakin akan kemampuan kamu.

## UNIT 28: Pendidikan Bestari Negara Lestari

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Mendengar dan Bertutur

Fahrin: Suresh, apakah yang dimaksudkan dengan kegiatan kokurikulum?

Suresh: Kegiatan kokurikulum ialah aktiviti yang dilakukan di luar bilik darjah dengan bimbingan guru-guru misalnya, pasukan beruniform, aktiviti kelab dan persatuan, serta sukan dan permainan.

Fahrin: Apakah kebaikan melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum?

Suresh: Kebaiikannya ialah kita dapat mengisi masa lapang. Dengan ini, kita tiada masa untuk melakukan aktiviti yang tidak berfaedah. Selain itu, aktiviti kokurikulum dapat melatih murid menjadi seorang pemimpin juga. Contohnya, apabila murid memegang sesuatu jawatan, mereka akan belajar menjadi pemimpin untuk mengurus aktiviti persatuan.

Fahrin: Adakah kegiatan kokurikulum dapat mengukuhkan perpaduan juga?

Suresh: Ya, kegiatan kokurikulum melibatkan penyertaan murid-murid yang berbilang bangsa. Dalam aktiviti yang dijalankan, semua ahli akan saling berbincang serta bekerjasama dalam melakukan sesuatu aktiviti. Oleh itu, hubungan antara murid daripada pelbagai kaum dapat diertatkan.

#### B. Menulis

##### Isi-isi Penting

- (a) menyatupadukan rakyat majmuk di Malaysia – saling bergaul – menghayati budaya kaum-kaum lain
- (b) memupuk semangat patriotik – pengalaman menghadapi kegembiraan dan kekecewaan bersama-sama dapat mewujudkan semangat kekitaan dalam diri murid-murid
- (c) meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris – murid-murid berbilang bangsa berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris
- (d) sekolah tersebut memperoleh peruntukan yang secukupnya untuk membina pelbagai kemudahan

## Ringkasan

Antara kelebihan penubuhan Sekolah Wawasan termasuklah dapat menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia. Mereka dapat saling bergaul dan menghayati budaya kaum-kaum lain. Selain itu, semangat patriotik dapat dipupuk juga. Pengalaman menghadapi kegembiraan dan kekecewaan bersama-sama dapat mewujudkan semangat kekitaan dalam diri murid-murid. Seterusnya, penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dapat ditingkatkan kerana murid-murid berbilang bangsa akan berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Kemudahan yang terdapat di Sekolah Wawasan juga lebih lengkap kerana sekolah tersebut memperoleh peruntukan yang secukupnya untuk membina pelbagai kemudahan.

## MODUL PP PRAKTIS PRA-PT3 (7)

### Sistem Bahasa

#### Kesalahan Bahasa

- 1 Kesalahan Umum Tatabahasa
  - (i) dari – daripada
  - (ii) pastikan – memastikan
  - (iii) bilakah – bila
  - (iv) Para murid-murid – Para murid/Murid-murid
  - (v) mengumumkan tentang bantuan – mengumumkan bantuan
- 2 Frasa Nama
  - (i) ayam kari – kari ayam
  - (ii) goreng pisang – pisang goreng
  - (iii) Semua calon-calon – Semua calon/Calon-calon
  - (iv) lain-lain hal – hal-hal lain
  - (v) dunia seluruh – seluruh dunia

#### Pemahaman

##### Petikan Puisi

- (i) ... ikan-ikan  
... pejuang negara
- (ii) ... kita haruslah menghargai hujan sebagai suatu rahmat yang besar kepada manusia  
... kita hendaklah rajin mengusahakan tanah supaya kita dapat memanfaatkan tanah sebagai punca rezeki
- (iii) ... sentiasa menenangkan diri  
... sentiasa berfikiran positif

#### Novel

##### Praktis 1

###### Novel *Destinasi Impian*

- (a) kebijaksanaan seorang ketua dalam menyelesaikan konflik – contohnya, Johari bijak menyelesaikan konflik sepanjang ekspedisi dengan baiknya dan akhirnya mereka sampai ke destinasi yang dituju
- (b) ekspedisi berbasikal yang penuh dengan cabaran – contohnya, ekspedisi berbasikal tersebut telah menemukan mereka dengan pelbagai cabaran sehingga menimbulkan pelbagai konflik
- (c) kejayaan hanya diperoleh dengan kesungguhan dan kecekalan – contohnya, ekspedisi berbasikal yang disertai oleh Johari, Azlina, dan Firdaus berjaya sampai ke destinasi selepas mereka cecak menghadapi pelbagai cabaran

###### Novel *Sejambak Bakti*

- (a) usaha yang baik selalu akan mendapat tentangan dan cabaran yang hebat – contohnya, Razali yang menjadi penolong setiausaha lembaga pengarah koperasi sekolah sering mendapat tentangan yang hebat daripada ahli lembaga pengarah lain yang cemburu akan usahanya
- (b) sifat cemburu akhirnya memakan diri sendiri – contohnya, Munir sangat cemburu akan Razali yang dapat memenangi hati Ramlah hingga dia sanggup memfitnah dan memburukkan nama Razali
- (c) amalan muafakat akan membuahkan kejayaan – contohnya, semua ahli lembaga pengarah koperasi bekerjasama untuk memajukan koperasi sekolah mereka sehingga berjaya menjadi johan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh pihak ANGKASA

###### Novel *Pelari Muda*

- (a) kemasyhuran diri telah menjadikan seseorang itu lupa akan asal usulnya – contohnya, Kamarul menjadi sombong terhadap jurulatih dan kawan-kawannya selepas dia berjaya mewakili negara dalam Kejohanan Sukan SEA di Brunei
- (b) ketegasan ketua dalam mentadbir urus organisasi – contohnya, Adibah bersikap tegas terhadap Kamarul yang keluar dari kelas sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan walaupun Kamarul murid yang popular
- (c) pelajaran penting untuk masa depan – contohnya, Juriah menasihati Saridah agar memberikan keutamaan pada pelajaran daripada asyik memikirkan masalahnya dengan Kamarul

###### Novel *Formula Termodinamik*

- (a) usaha yang gigih akan membuahkan kejayaan – contohnya, Amir dan Usamah telah memenangi Anugerah Saintis Muda melalui rekaan mesin 2 dalam 1 mereka. Kejayaan tersebut juga membolehkan mereka mendapat pembiayaan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara
- (b) kreativiti dan inovasi sangat penting dalam menghasilkan sesuatu ciptaan – contohnya, mesin rumput terpakai telah diubah suai menjadi mesin 2 dalam 1 hasil kreativiti dan inovasi oleh Amir dan Usamah
- (c) kemahiran menggunakan teknologi komputer sangat penting dalam menghasilkan sesuatu ciptaan – contohnya, Amir dan Usamah menggunakan teknologi komputer untuk menghasilkan mesin 2 dalam 1 tersebut.

#### Praktis 2

##### Novel *Destinasi Impian*

- (a) kecekalan – contohnya, Johari cecak berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam ekspedisi berbasikal bersama-sama dengan Azlina dan Firdaus
- (b) keprihatinan – contohnya, Johari prihatin akan Firdaus dengan mengekori Firdaus dari belakang supaya Firdaus tidak tersesat jalan untuk sampai ke Pantai Morib Baru
- (c) keberanian – contohnya, Azlina berani menentang abangnya, Firdaus yang bersikap negatif sewaktu menyertai ekspedisi berbasikal

##### Novel *Sejambak Bakti*

- (a) kecekalan – contohnya, Razali cecak berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang dicipta oleh Munir dan rakan-rakannya kerana cemburu akan kejayaannya mengurus koperasi sekolah dan cemburu akan sikap Razali yang terlalu mesra dengan Ramlah
- (b) keprihatinan – contohnya, Ramlah, Rozita, dan Saridevi prihatin akan Razali dengan melaporkan kejadian Razali dipukul oleh Munir, Leong, dan Selvam kepada Cikgu Zulkifli
- (c) bertanggungjawab – contohnya, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab

##### Novel *Pelari Muda*

- (a) ketegasan – contohnya, Adibah begitu tegas menghalang Kamarul yang ingin keluar dari kelas sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan
- (b) keberanian – contohnya, Saridah dengan berani menegur sikap Kamarul yang mula sombong dan bongkok setelah Kamarul popular
- (c) bertanggungjawab – contohnya, Encik Kadir selalu menasihati Kamarul, bertanyakan khabar Kamarul daripada Doktor Munira, dan bersusah payah mengambil Kamarul yang keluar dari hospital

##### Novel *Formula Termodinamik*

- (a) kebijaksanaan – contohnya, Amir dan Usamah merupakan golongan remaja yang bijak menggunakan satu data storan yang dikenal sebagai Formula Dua Hukum Popular Termodinamik untuk menghasilkan mesin 2 dalam 1 mereka
- (b) kreatif dan inovatif – contohnya, Amir dan Usamah merupakan remaja yang kreatif dan inovatif kerana mampu mengubah suai mesin rumput terpakai menjadi mesin 2 dalam 1
- (c) bertanggungjawab – contohnya, ibu Amir terlalu risau apabila Amir dan Usamah tidak pulang ke rumah dan tidak meninggalkan sebarang pesanan

## Karangan

### Karangan Laporan

#### Soalan 2

#### Rangka Karangan

##### Pendahuluan

tajuk laporan – nama ahli jawatankuasa dan guru penasihat – objektif penubuhan kelab

##### Isi-isi penting

- jumlah keahlian sepanjang tahun – peratus keahlian mengikut tingkatan – kadar dan jumlah sumbangan keahlian yang dikutip
- kelas asas komputer telah diadakan terbuka kepada semua murid – didedahkan cara menaip yang lebih pantas, penyimpanan dokumen dan pembinaan laman sesawang
- penyertaan pertandingan pada peringkat daerah – menyertai kuiz teknologi maklumat – berjaya memperoleh tempat kedua – berpeluang untuk bertanding pada peringkat negeri
- pencapaian – anugerah pengurusan kelab terbaik peringkat sekolah – bimbingan guru penasihat yang efisien – kerjasama yang baik daripada ahli persatuan – berjaya mengadakan pameran teknologi maklumat dengan kerjasama pihak organisasi luar

##### Penutup

penghargaan kepada semua pihak terutama guru penasihat dan ahli – tandatangan, nama, dan jawatan pelapor

## UNIT 29: Bahasa Disulam Sastera Dianyam

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Mendengar dan Bertutur

<b>Program yang Dianjurkan</b>	Program yang dianjurkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahkota ialah Program Minggu Bahasa Melayu.
<b>Perasmii Program</b>	Program Minggu Bahasa Melayu telah dirasmikan oleh Tuan Haji Azhari bin Zainuddin, iaitu Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahkota.
<b>Aktiviti yang Dipertandingkan bagi Setiap Kategori</b>	<b>Tingkatan Satu:</b> Aktiviti yang dipertandingkan untuk murid tingkatan satu ialah pertandingan berbalas pantun.
	<b>Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga:</b> Aktiviti yang dipertandingkan untuk murid tingkatan dua dan tingkatan tiga ialah pertandingan deklamasi sajak.
	<b>Tingkatan Empat, Tingkatan Lima, dan Tingkatan Enam:</b> Aktiviti yang dipertandingkan untuk murid tingkatan empat, tingkatan lima, dan tingkatan enam ialah pertandingan pidato.

## UNIT 30: Merekayasa Seni Bahasa

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

- Keputusan bahasa yang terdapat dalam rangkap keempat sajak “Kunci Bahasa” ialah bahasa dapat mengeratkan hubungan silaturahim. Selain itu, kepentingan bahasa yang terdapat dalam rangkap kelima sajak ialah bahasa digunakan dalam pelbagai urusan harian.
- Unsur bunyi yang terdapat dalam sajak “Kunci Bahasa” ialah asonansi. Contohnya, tidak putus jambatan ukhuwah, iaitu perulangan vokal u. Selain itu, terdapat unsur bunyi aliterasi. Contohnya, Bahasa begitu indah, iaitu perulangan konsonan b.
- Pada pendapat saya, faktor yang menyebabkan bahasa Melayu semakin terpinggir ialah sikap segelintir masyarakat yang lebih mengagung-agungkan bahasa Inggeris. Selain itu, terdapat sesetengah pihak yang menganggap bahasa Melayu bukan bahasa ilmu.

## Aktiviti Pelibatan Ibu

### Cadangan Jawapan

Manfaat-manfaat yang diperoleh anak-anak apabila ibu bapa atau orang yang lebih tua menitikberatkan pembacaan cerita rakyat:

- Dapat membangkitkan minat membaca
- Dapat mengembangkan daya imaginasi
- Dapat meningkatkan keterampilan dalam berbahasa
- Dapat membentuk rasa empati
- Dapat membangunkan kecerdasan emosi

### B. Tatabahasa

Kata	Contoh
Kata seru	Oh, Eh, Wah, Syabas, Ayuh
Kata tanya	Bagaimana, Apa, Siapakah, Mengapa
Kata perintah	Jangan, Tolong, Sila
Kata pembenar	Benar, Betul
Kata pangkal ayat	Adapun, Alkisah

## UNIT 31: Kerjaya Impian

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

Perkataan	Makna
1 cef	tukang masak utama di hotel, restoran, dan sebagainya, ketua jurumasak
2 kerjaya	profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah
3 kulinari	berkaitan dengan masak-memasak
4 menu	senarai masakan yang disajikan pada sesuatu hidangan atau yang boleh dipesan di restoran dan sebagainya
5 kualiti	darjah kecemerlangan biasanya yang tinggi mutu
6 cita rasa	kegemaran dan pilihan

#### B. Menulis

##### Isi-isi Penting

- Jururawat lelaki dapat mengurus pesakit terutamanya pesakit yang agresif.
- Jururawat lelaki memberikan keselesaan kepada pesakit lelaki ketika menerima rawatan.
- Jururawat lelaki meningkatkan kualiti perkhidmatan di hospital.
- Jururawat lelaki memainkan peranan penting dalam suasana kerja yang berisiko.
- Jururawat lelaki mempunyai ketahanan dalam mengawal emosi.
- Jururawat lelaki mengurangkan beban dalam kalangan jururawat wanita.

##### Ringkasan:

Jururawat lelaki dapat mengurus pesakit terutamanya pesakit yang agresif. Selain itu, mereka memberikan keselesaan juga kepada pesakit lelaki ketika menerima rawatan. Seterusnya, jururawat lelaki meningkatkan kualiti perkhidmatan di hospital. Mereka memainkan peranan yang penting dalam suasana kerja yang berisiko. Selain mempunyai ketahanan dalam mengawal emosi, mereka dapat mengurangkan beban dalam kalangan jururawat wanita juga.

## UNIT 32: Rentak Kejayaan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Mendengar dan Bertutur

Rakan: Agensi pelancongan Anas Travel & Tour Sdn. Bhd. ada membuat promosi pelancongan ke Pulau Perhentian. Terdapat dua pakej yang disediakan untuk pelanggan membuat pilihan.

Anda: Saya ada melihat promosi tersebut juga. Pakej A harganya serendah RM400, manakala Pakej B pula serendah RM360. Pakej yang mana menjadi pilihan anda?



Rakan: Saya lebih tertarik dengan Pakej B kerana harganya lebih murah. Selain itu, pakej yang ditawarkan agak menarik juga.

Anda: Saya pula memilih Pakej A. Walaupun harganya mahal sedikit, pakej yang ditawarkan lebih banyak. Selain itu, kita dapat membuat aktiviti *snorkeling* selama dua hari. Pada sebelah malam pula disediakan barbeku dan makan malam di *Shazila Resort*.

Rakan: Kalau begitu, saya setuju jika kita memilih Pakej A. Perbezaan harganya cuma RM40, namun terdapat pelbagai aktiviti yang menyeronokkan disediakan bagi seisi keluarga dan rakan-rakan.

## B. Menulis

Seseorang anggota bomba dan penyelamat perlu memiliki kekuatan fizikal dan mental untuk berdepan dengan sebarang kemungkinan semasa bertugas. Tugas anggota bomba bukan sahaja memadamkan kebakaran dan menyelamatkan mangsa, bahkan mereka perlu menjaga keselamatan negara juga. Selain itu, anggota bomba haruslah mempunyai semangat yang kental dan tahan lasak semasa menjalankan tugas. Mereka perlu melakukan tugas dengan cepatnya dan mengikut masa yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kemusnahan yang lebih besar. Kesimpulannya, tugas sebagai anggota bomba dan penyelamat sememangnya sangat mencabar, berisiko tinggi, dan memerlukan latihan yang mantap.

## Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

### Cadangan Jawapan

Kerjaya yang dipilih adalah sebagai anggota polis. Sebab saya memilih kerjaya sebagai anggota polis:

- Dapat membantu menjaga keamanan negara
- Dapat membentuk diri menjadi lebih bertanggungjawab kerana membantu memikul amanah negara
- Dapat membentuk disiplin diri yang tinggi
- Dapat menjadikan diri lebih berani untuk menghadapi cabaran

## MODUL PP PRAKTIS PRA-PT3 (8)

### Sistem Bahasa

#### Peribahasa

##### Praktis 1

- (i) Sudah jatuh ditimpa tangga
- (ii) Seperti katak di bawah tempurung

##### Praktis 2

- (i) Mencurah air di daun keladi
- (ii) Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri

### Pemahaman

#### Petikan Prosa

- (i) ... untuk menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Pak Mail atas kematian Sarjan Akhbar semasa bertempur di sempadan suatu ketika dahulu  
... untuk menyampaikan sekeping cek yang bernilai sepuluh ribu ringgit kepada Puan Fauziah
- (ii) ... kita hendaklah menghargai jasa pejuang yang telah terkorban untuk mempertahankan negara  
... kita mestilah menjalankan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya
- (iii) ... menjalankan perniagaan di rumah  
... mendapatkan bantuan daripada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) untuk perbelanjaan anak yang masih bersekolah

#### Petikan Puisi

- (i) ... laut  
... langit  
... pohon
- (ii) ... kesyukuran – contohnya, penyajak bersyukur selepas melihat alam sekeliling  
... keyakinan – contohnya, penyajak yakin terhadap Tuhan
- (iii) ... menjaga dan memelihara bumi daripada sebarang kerosakan  
... tidak mengkhianati dan melakukan kerosakan terhadap makhluk lain yang ada di bumi

## Karangan

### Karangan Syarahan

#### Soalan 2

#### Rangka Karangan

##### Pendahuluan

kata alu-aluan – menyatakan tajuk syarahan – “Usaha-usaha Menggalakkan Rakyat Malaysia Mengamalkan Budaya Membaca”

##### Isi-isi Penting

- (a) menyediakan perpustakaan awam – di bandar dan di luar bandar masyarakat berpeluang mendapatkan bahan bacaan yang terkini – perpustakaan bergerak turut disediakan
- (b) Program “Jom Baca Bersama Selama 10 Minit” – anjuran bersama pihak kerajaan dan swasta – diadakan secara serentak selama 10 minit di seluruh negara – menggalakkan rakyat supaya meluangkan masa untuk membaca
- (c) Pesta Buku Antarabangsa – jualan bahan bacaan secara besar-besaran – pelbagai syarikat penerbitan mengambil bahagian – syarikat tempatan dan antarabangsa – menawarkan diskaun yang menarik
- (d) kempen secara berterusan melalui media massa – media cetak dan elektronik perlulah bekerjasama menggembelng tenaga menjayakan kempen – dilaksanakan di seluruh pelosok negara

##### Penutup

semua pihak mestilah bekerjasama untuk memainkan peranan masing-masing – segala usaha dapat dilaksanakan secara konsisten – berjaya menarik hati rakyat untuk menyahut seruan tersebut

## FOKUS KBAT

### Karangan

#### Rangka Karangan

##### Pendahuluan

kata alu-aluan – tajuk syarahan “Punca-punca Wabak Denggi Sukar untuk Dibasmi”

##### Isi-isi Penting

- (a) sikap masyarakat yang acuh tidak acuh – kurang mengambil berat akan risiko wabak denggi menyangka wabak ini tidak mengancam nyawa – tidak mengamalkan aktiviti gotongroyong
- (b) aspek kebersihan tidak diberikan perhatian – sampah sarap dibuang ke dalam longkang sehingga menyebabkan longkang tersumbat – tin-tin kosong dibiarkan – menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes
- (c) operasi semburan kabus tidak dilakukan secara berkala – dilakukan apabila terdapat kes demam denggi di sesuatu kawasan – semburan asap kurang ditumpukan di kawasan yang menjadi habitat vektor
- (d) pihak berkuasa tidak melakukan kempen memerangi wabak demam denggi secara berterusan – masyarakat tidak mendapat maklumat yang lebih tepat tentang bahaya nyamuk aedes

##### Penutup

semua pihak harus bekerjasama untuk mengawal pembiakan nyamuk aedes – membanteras wabak demam denggi yang boleh membawa maut – kehilangan insan yang tersayang.

## UNIT 33: Sempurnakan Diri

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

- 1 pekerti – perangai, kelakuan, tabiat  
Seseorang yang mempunyai pekerti yang baik mudah mendapat kawan.
- 2 sahsiah – keperibadian, peribadi  
Kita perlu menjaga sahsiah untuk mencapai kecemerlangan dalam hidup.
- 3 hayat – ada nyawa pada badan, hidup  
Kita perlu berbakti kepada masyarakat selagi hayat dikandung badan.
- 4 takbur – angkuh, bongkak  
Sikap takbur perlu kita jauhi agar kita sentiasa disenangi oleh kawan-kawan.
- 5 amanat – pesanan, wasiat, nasihat  
Firdaus berjanji untuk menunaikan amanat ibu bapanya yang telah meninggal dunia.
- 6 adab – tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan)  
Anak-anak yang dididik dengan sempurna akan mempunyai adab yang baik.

## B. Tatabahasa

Bil.	Kesalahan Ayat	Pembetulan
1	Memiliki keluarga yang harmoni dan bahagia menjadi impian <i>semua orang-orang</i> .	Memiliki keluarga yang harmoni dan bahagia menjadi impian <i>semua orang</i> .
2	Hubungan yang <i>sangat utuh sekali</i> antara anggota keluarga akan mewujudkan ikatan kasih sayang sesama mereka.	Hubungan yang <i>sangat utuh/ utuh sekali</i> antara anggota keluarga akan mewujudkan ikatan kasih sayang sesama mereka.
3	<i>Setiap anak-anak</i> pasti akan berasa gembira dan dihargai jika keperluan mereka dipenuhi oleh ibu bapa.	<i>Setiap anak</i> pasti akan berasa gembira dan dihargai jika keperluan mereka dipenuhi oleh ibu bapa.
4	<i>Selain daripada itu</i> , didikan agama yang sempurna memainkan peranan yang penting dalam usaha mewujudkan keluarga yang harmoni dan bahagia.	<i>Selain itu</i> , didikan agama yang sempurna memainkan peranan yang penting dalam usaha mewujudkan keluarga yang harmoni dan bahagia
5	Setiap anggota keluarga akan <i>saling hormat-menghormati</i> demi keharmonian keluarga juga.	Setiap anggota keluarga akan <i>saling menghormati/hormat-menghormati</i> demi keharmonian keluarga juga.
6	Masalah akan menjadi rumit jika <i>kedua</i> pihak bersikap mementingkan diri dan keras kepala.	Masalah akan menjadi rumit jika <i>kedua-dua</i> pihak bersikap mementingkan diri dan keras kepala.

## UNIT 34: Tonggak Sejahtera

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Membaca

##### Idea Utama 1

Para belia memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara.

##### Idea Sampingan 1:

Belia perlu memainkan peranan kerana maju atau mundurnya sesebuah negara bergantung kepada golongan ini.

##### Idea Utama 2

Satu daripada ciri yang patut dimiliki oleh golongan belia ialah semangat bersatu padu.

##### Idea Sampingan 2

Semangat ini perlu ada dalam diri mereka agar mereka lebih bertanggungjawab terhadap negara.

##### Idea Utama 3

Perpaduan antara masyarakat amat penting dalam pembangunan negara.

##### Idea Sampingan 3

Para belia haruslah memberikan perhatian dan berusaha untuk menyatukan rakyat yang berbilang kaum.

##### Idea Utama 4

Selain itu, para belia haruslah sentiasa peka terhadap isu-isu semasa yang berlaku di dalam negara.

##### Idea Sampingan 4

Mereka perlu bertindak rasional untuk membuat keputusan yang adil dan tidak berat sebelah.

## B. Tatabahasa

- 1 Pak Cik Salleh bekerja sebagai pemandu teks.
- 2 Penumpang teks Pak Cik Salleh terdiri daripada pelbagai bangsa.
- 3 Teks Pak Cik Salleh sentiasa berbau harum kerana dia selalu membersihkan teks itu.
- 4 Barang-barang penumpang yang tertinggal di dalam teks akan dipulangkan oleh Pak Cik Salleh dengan segeranya.

## Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

### Cadangan Jawapan

Ciri-ciri peniaga yang berintegriti dalam menjalankan perniagaan:

- Menjalankan perniagaan dengan jujur dan amanah
- Menunjukkan tingkah laku beretika ketika berurusan dengan pelanggan
- Mempunyai inisiatif dalam membuat sesuatu kerja atau tugas tanpa diarahkan atau dipaksa
- Mempunyai pandangan yang jauh bagi memperkukuh perniagaan
- Mempunyai sikap proaktif dalam usaha untuk membangunkan dan menjayakan perniagaannya

## UNIT 35: Dataran Merdeka

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### A. Menulis

##### Laporan Lawatan ke Parlimen Malaysia Persatuan Sejarah, Sekolah Menengah Kebangsaan Meru

Pada 6 September yang lalu, Kelab Sejarah, Sekolah Menengah Kebangsaan Meru telah mengadakan lawatan ke Parlimen Malaysia. Sebanyak 40 orang murid menyertai lawatan sambil belajar ini. Lawatan ini turut disertai oleh dua orang guru pengiring, iaitu Cikgu Basri dan Cikgu Fatimah. Tujuan lawatan ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada murid-murid tentang sistem demokrasi di Malaysia.

Para peserta lawatan dikehendaki berkumpul di sekolah pada pukul 7:00 pagi. Sebelum menaiki bas yang disewa khas, kami mendengar taklimat yang disampaikan oleh guru penyelar lawatan, iaitu Cikgu Basri. Kami berasa teruja dan bersemangat untuk menjejakkan kaki di bangunan Parlimen. Kami bertolak ke Parlimen Malaysia tepat pada pukul 7:30 pagi.

Cikgu Fatimah mengagihkan makanan dan minuman kepada para peserta. Cikgu Basri pula memberikan peringatan kepada kami agar menjaga tingkah laku sepanjang berada di Parlimen. Hal ini amat penting untuk menjaga nama baik sekolah. Kami diingatkan juga agar mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan Parlimen.

Pada pukul 8:30 pagi, kami tiba di hadapan bangunan Parlimen. Ketibaan kami disambut dengan mesranya oleh seorang pegawai bertugas. Pegawai tersebut mengalu-alukan kedatangan kami dan berharap agar kami akan mendapat ilmu pengetahuan dan pengalaman yang menarik melalui lawatan ini. Pegawai tersebut turut memberikan taklimat ringkas tentang sejarah Parlimen Malaysia.

Selepas itu, pada pukul 9:00 pagi, kami dibawa melawat di sekitar bangunan Parlimen. Kami membuat catatan dalam buku nota tentang sejarah penubuhan Parlimen Malaysia. Kami berasa gembira kerana dapat mengetahui sejarah penubuhannya.

Kami dibawa masuk ke dalam bangunan Parlimen tidak lama selepas itu. Kami duduk di tempat yang disediakan. Beberapa minit selepas itu, semua ahli Parlimen mengambil tempat duduk masing-masing dan memulakan persidangan. Kami dapat melihat pelbagai gelagat ahli dewan sepanjang persidangan berlangsung. Ada ahli dewan yang membangkang usul yang dicadangkan dan ada ahli dewan yang mempertahankan usul yang dikemukakan juga.

Sesi pagi sidang Dewan Rakyat berhenti rehat pada pukul 12:30 tengah hari. Melalui pegawai yang mengiringi, kami dapat berjumpa dan bergambar dengan beberapa orang pemimpin yang terlibat dalam persidangan pada hari tersebut. Kami berasa gembira dan teruja kerana dapat berjumpa dengan barisan kepimpinan negara.

Tepat pada pukul 2:00 petang, kami bertolak pulang. Kami berharap agar lawatan seperti ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang kerana dapat memberikan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang amat berharga.

Laporan disediakan oleh,

9 SEPTEMBER 2019.

*Nurul Atiqah*

(NURUL ATIQA BINTI RUSLAN)  
Setiausaha,  
Persatuan Sejarah,  
Sekolah Menengah Kebangsaan Meru.

## B. Tatabahasa

- Frasa Nama (FN):** Tuan Haji Izman bin Ahmad  
**Frasa Nama (FN):** Ketua Kampung Rantau Panjang.  
**Ayat Lengkap:** Tuan Haji Izman bin Ahmad Ketua Kampung Rantau Panjang.
- Frasa Nama (FN):** Encik Hanafi  
**Frasa Nama (FN):** Pengetua Sekolah Menengah Ampangan.  
**Ayat Lengkap:** Encik Hanafi Pengetua Sekolah Menengah Ampangan.
- Frasa Nama (FN):** Dato' Majid bin Abdullah  
**Frasa Kerja (FK):** menyerahkan bantuan makanan.  
**Ayat Lengkap:** Dato' Majid bin Abdullah menyerahkan bantuan makanan.
- Frasa Nama (FN):** Encik Zaki  
**Frasa Adjektif (FA):** sangat baik hati.  
**Ayat Lengkap:** Encik Zaki sangat baik hati.
- Frasa Nama (FN):** Bangunan Sultan Abdul Samad  
**Frasa Sendi Nama (FS):** di Kuala Lumpur.  
**Ayat Lengkap:** Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur.

## UNIT 36: Nilai Demokrasi

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

##### Cadangan Jawapan

Kebaikan-kebaikan menjadi pengawas sekolah:

- Dapat mengasah bakat kepemimpinan
- Dapat melakukan kebajikan kepada rakan, guru-guru dan sekolah
- Dapat menambahkan markah kokurikulum
- Dapat mendidik diri agar bersikap amanah
- Dapat melatih diri agar menjadi lebih berdisiplin

## B. Tatabahasa

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1 ke10	ke-10
2 di dalam	dalam
3 memantapkan lagi aktiviti-aktiviti PIBG sekolah ini	memantapkan aktiviti-aktiviti PIBG sekolah ini lagi
4 demi untuk	demi / untuk
5 memberi	memberikan
6 Sehubungan daripada itu	Sehubungan dengan itu
7 pelbagai aktiviti-aktiviti	pelbagai aktiviti
8 di kalangan	dalam kalangan
9 majlis perbandaran teluk intan	Majlis Perbandaran Teluk Intan
10 daripada segi	dari segi
11 bahawa	agar / supaya
12 dicapai	tercapai

## MODUL PP PRAKTIS PRA-PT3 (9)

### Sistem Bahasa

#### Peribahasa

- Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
- Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

#### Pemahaman

##### Petikan Puisi

- ... bahasa dapat mengukuhkan ukhuwah  
... digunakan untuk bermadah
- ... terdiri daripada enam rangkap  
... terdiri daripada dua baris bagi setiap rangkap
- ... pihak yang bertanggungjawab perlulah menjalankan kempen "Cintai Bahasa Kebangsaan" secara besar-besaran di seluruh pelosok negara  
... pihak media massa perlulah lebih giat mempromosikan kempen yang telah dijalankan oleh pihak tertentu

## Karangan

### Karangan Biografi

#### Praktis 2

#### Rangka Karangan

##### Pendahuluan

guru yang saya kagumi – Puan Rodzyah binti Hassan – guru subjek Bahasa Melayu yang berdedikasi – berasal dari Johor

##### Isi-isi Penting

- dilahirkan pada 15 Ogos 1969 di Johor – menamatkan pengajian di Universiti Sains Malaysia dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu
- pengajaran beliau sentiasa menarik hati murid-murid – mudah difahami – mengajar anak didik dengan penuh semangat
- sumbangan – mengajar murid cara berpidato dengan baik – memenangi pertandingan pidato pada peringkat kebangsaan
- mengaguminya – sikap sabar, prihatin, dan pandai mengurus kelas dan aktiviti persatuan

##### Penutup

ingin mencontohi beliau – belajar sungguh-sungguh – mencapai cita-cita – mengubah taraf hidup keluarga

## FOKUS KBAT

### Ringkasan

Pendidikan merupakan asas utama untuk menangani masalah kegiatan vandalisme. Perasaan cinta akan harta benda awam dalam kalangan murid dapat disemaikan melalui pendidikan. Selain itu, masyarakat haruslah prihatin dan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan sekiranya terlihat individu yang melakukan kegiatan vandalisme. Seterusnya, pesalah vandalisme perlu dikenakan denda dan hukuman yang berat. Di samping itu, pihak berkuasa perlu menganjurkan kempen dan program yang bertujuan untuk menyemaikan sifat bertanggungjawab terhadap harta benda awam dalam diri masyarakat. Akhir sekali, semua pihak perlu bekerjasama untuk menjayakan setiap kempen atau program yang dianjurkan oleh pihak berkuasa.

## NOTA GRAFIK KOMSAS

### ANTOLOGI "KUNING BERTERIMA KASIH"

#### PUISI TRADISIONAL

##### 1 Pantun Dua Kerat (Nasihat)

###### Maksud

- Rangkap 1 – sifat
- Rangkap 2 – tidur
- Rangkap 3 – kekurangan
- Rangkap 4 – gagal
- Rangkap 5 – kececalan

###### Tema dan Persoalan

Tema – kebaikan  
Persoalan – terserlah; produktif; berfaedah

###### Bentuk

- Bilangan rangkap – 5
- Bilangan baris – 1
- Bilangan kata – 5
- Bilangan suku kata – 11
- Rima akhir – aa
- Bentuk – Terikat

###### Pengajaran

berwaspada; tidur; daya usaha; kecewa

##### 2 Syair Pohon Buluh

###### Maksud

- Rangkap 1 – saksamanya
- Rangkap 2 – bersaudara
- Rangkap 3 – perpaduan
- Rangkap 4 – keamanan

###### Tema dan Persoalan

Persoalan – tugas; kejayaan; membezakan; matlamat

**Bentuk**

Bilangan baris – 4  
 Bilangan kata – 6  
 Bilangan suku kata – 12

**Unsur Gaya Bahasa**

simile – Air tak tiris **seperti** kolam  
 inversi – Terlalu kuat pula asasnya

**Nilai**

Perpaduan; Tanggungjawab

**Pengajaran**

adilnya; semangat persaudaraan; pangkat; nama baik

**PUISI MODEN****1 Sajak “Kita Umpama Sehelai Daun”****Maksud**

Rangkap 1 – daun; unggas  
 Rangkap 2 – tamak; berlindung  
 Rangkap 3 – kering, sombong; menumpang  
 Rangkap 4 – hijau; baja

**Tema dan Persoalan**

Tema – kehidupan  
 Persoalan – makhluk; kesukaran; meninggal dunia; keupayaan diri

**Bentuk**

Bilangan rangkap – 4  
 Bilangan baris – 5  
 Bilangan kata – 5  
 Bilangan suku kata – 12

**Nada**

Romantis

**Nilai**

Keinsafan; Kasih sayang

**Pengajaran**

bersimpati; berbuat baik; kelebihan; hidup

**2 Sajak “Kuingin Berterima Kasih”****Maksud**

Rangkap 1 – hujan  
 Rangkap 2 – rezeki  
 Rangkap 3 – derita  
 Rangkap 4 – berkorban  
 Rangkap 5 – haruman  
 Rangkap 6 – indah

**Tema dan Persoalan**

Tema – dikecapi  
 Persoalan – tenang; tanah; nelayan; pejuang

**Bentuk**

Bilangan baris – 5  
 Bilangan kata – 5  
 Bilangan suku kata – 14  
 Rima akhir – Rangkap 1 – abcd  
                   Rangkap 2 – abca  
                   Rangkap 3 – abccc  
                   Rangkap 4 – abcbb  
                   Rangkap 5 – abcdb  
                   Rangkap 6 – abc

**Unsur Gaya Bahasa**

Simile – kepadamu **hujan** bagai tetamu  
 Personifikasi – ikan-ikan yang riang

**Nada**

Melankolik

**Nilai**

Menghargai; Kemuliaan budi

**Pengajaran**

rahmat; tanah; susah; pejuang; merenung

**3 Sajak “Aku”****Maksud**

Rangkap 1 – pantai  
 Rangkap 2 – Adam  
 Rangkap 3 – pertama  
 Rangkap 4 – ombak  
 Rangkap 5 – angin  
 Rangkap 6 – hidupan  
 Rangkap 7 – Tuhan

**Tema dan Persoalan**

Persoalan – Pencipta; isi alam; ombak; mencipta

**Unsur Gaya Bahasa**

Imej alam – kulit kerang  
 Hiperbola – aku ini Adam

**Nada**

Romantis

**Nilai**

Kesyukuran; Keimanan

**Pengajaran**

nyawa; bersyukur; meninggal dunia; hidup; kerdil

**4 Sajak “Kunci Bahasa”****Tema dan Persoalan**

Tema – kepentingannya  
 Persoalan – betulnya; bahasa; perbahasan; memperkukuh; amalan

**Bentuk**

Bilangan rangkap – 6  
 Bilangan baris – 1  
 Bilangan kata – 5  
 Bilangan suku kata – 11  
 Rima akhir – aa  
 Bentuk – bebas

**Nilai**

Perpaduan; Menghargai bahasa

**Pengajaran**

berkomunikasi; wahana; sopan; menghargai

**PROSA TRADISIONAL****Asal Padi****Sinopsis**

harta; meninggal dunia; nafkah; cacat; melarat; kolam ikan; tujuh; kayangan; hilang; emas; padi; bumi; hasil; melarikan; pelangi; merayu; dijemur; sembuh; lubang-lubang; dicuri; menanam; burung pipit; berbuah

**Tema dan Persoalan**

Tema – menyelesaikan  
 Persoalan – tugas; kekal; penting; budi pekerti; diketahui

**Plot****Binaan Plot**

Permulaan – suami isteri; lelaki  
 Perkembangan – mandi; kusut; dusun; kuning; nasi  
 Klimaks – segenggam; menghempas; hamba; mengawasi; menyorokkan; meminta izin  
 Peleraian – selamatnya; daya hidup; ditanam; mempercayai; berbohong

**Teknik Plot**

Monolog; Monolog dalaman

## Unsur Gaya Bahasa

Hiperbola – Mereka menuju ke kayangan dengan mempergunakan pelangi sebagai tangganya.

## Latar

Latar masa – tradisional

Latar tempat – pelangi

Latar masyarakat – amanah; petani; mencuri harta

## Watak dan Perwatakan

Si Bongsu – Berani; Tidak mudah berputus asa

Empunya padi – Baik hati; Tidak mudah tertipu

## Pengajaran

harta pusaka; masalah; berusaha; bersopan santun

## PROSA MODEN

### 1 Cerpen “Oren”

#### Sinopsis

empat; dipungut; merajuk; manja; bersalah; terbawa-bawa; bermimpi; ruang dapur; tumbang

#### Tema dan Persoalan

Tema – haiwan peliharaan

Persoalan – konflik; kehilangan

#### Plot

##### Binaan Plot

Permulaan – pulang; perhatian

Perkembangan – melanggar; mati; Kelabu; perhatian

Klimaks – seminggu; mimpi

Peleraian – meja makan; bangkai; berkaca

#### Unsur Gaya Bahasa

Simile – Bulunya yang berwarna kelabu menjadikannya menarik seperti kucing Siam.

#### Latar

Latar masa – Disember; malam; petang

Latar tempat – perumahan; pokok tua

Latar masyarakat – haiwan peliharaan; prihatin; harmoni

#### Watak dan Perwatakan

Ayah “aku” – tiga; kucing; belas kasihan

Oren – oren; longkang; pasif

#### Nilai

Belas kasihan; Keprihatinan

#### Pengajaran

makhluk; prihatin; masalah; melaksanakan

### 2 Cerpen “Hadiah”

#### Sinopsis

Hari Guru; mahal; tabung arnab; kraf tangan; tudung saji; surat khabar; akhir; tertumpu; sikap; menang; ukuran; ikhlas; bimbingan; daerah; kebangsaan; pemenang

#### Tema dan Persoalan

Persoalan – guru-guru; kejayaan; potensi

#### Plot

##### Binaan plot

Permulaan – kesayangan; malu

Perkembangan – duit; mencukupi; kraf tangan

Klimaks – besar; menyertai

Peleraian – menambat; Guru Inovatif

#### Teknik Plot

Pemerian

#### Unsur Gaya Bahasa

Inversi – Terkebil-kebil mata Azizah apabila menerima mandat yang besar daripada Guru Zaleha.

#### Latar

Latar tempat – tapak perhimpunan

Latar masyarakat – murid-murid; kaya

## Watak dan Perwatakan

Azizah – rendah; berdisiplin; menganyam

Cikgu Zaleha – minda; inovatif

## Nilai

Berjimat cermat; Berdaya saing

## Pengajaran

tinggi; menabung; menghormati; gigih

### 3 Cerpen “Kuih Bakul Limau Mandarin”

#### Sinopsis

menggembirakan; ditentang; lemas; hutang; menyelamatkan; berhati perut; menyesal; berpelukan; bahagia

#### Tema dan Persoalan

Persoalan – dendam; salah; kesilapannya; bersalah; berkumpul

#### Plot

##### Binaan Plot

Perkembangan – membenarkan; mendalam; terbakar; meninggalkan dunia

Klimaks – terdiam; sedar; mencari

#### Unsur Gaya Bahasa

Hiperbola – Dia tidak mudah tersentuh dengan hidangan air mata yang melimpah-ruah.

Simile – Kurotan budak itu **bagai** nak gila.

#### Latar

Latar masa – Tahun Baharu Cina

Latar masyarakat – keegoan; pemaaf; buruk

#### Watak dan Perwatakan

Lim Pooi – jujur

Sim Pau – pilih kasih; menentang

Lim Meng – merindui

#### Nilai

Keinsafan; Kasih sayang; Kemaafan

#### Pengajaran

berani; kesalahan; ego

## PROSA MODEN

### Drama “Hadiah”

#### Sinopsis

bergantung; pesara; asrama; berhutang; Pak Mail; Pengetua; Kementerian Pertahanan; Sarjan Akhbar; sepuluh; Hayati

#### Tema dan Persoalan

Persoalan – suami; ketua; musibah

#### Plot

##### Binaan Plot

Permulaan – surat; menambah

Perkembangan – Fauziah; kesempatan; menantu; Farid; pahlawan

Klimaks – pegawai; tugas

Peleraian – penghargaan

#### Teknik Plot

Pemerian; Dialog

#### Latar

Latar masa – Tiga; pagi; petang

Latar masyarakat – berkorban; pencen; bertanggungjawab

#### Watak dan Perwatakan

Pak Mail – Fauziah; nasihat

Hayati – bersopan santun; keputusan

Fauziah – Sarjan Akhbar

#### Nilai

Keredaan; Kesopanan; Keberanian

## **Pengajaran**

keluarga; malang; tanggungjawab; tugas

## **NOVEL**

### **Novel “Destinasi Impian”**

#### **Sinopsis**

berbasikal; lemah; semangat; konflik; sepupu; Firdaus; 50; terkejut; Mazlinda; lewat; Universiti Putra Malaysia; Sazali; sombong; berenang; sendiri; Johari; menyelam; menyelamatkan; lemas; berpura-pura; cabaran; memberanikan

#### **Tema dan Persoalan**

Tema – kuat; semangat

Persoalan – program; berjaya; betul; identiti; kecekalan

#### **Plot**

##### **Binaan Plot**

Permulaan – Firdaus; membatalkan

Perkembangan – bahasa; badminton

Klimaks – Azlina; Johari

Peleraian – Pantai Morib Baru; Moksini; Sazali; Erma; Mazlinda

##### **Teknik Plot**

Dialog; Monolog; Imbas kembali

#### **Unsur Gaya Bahasa**

Sinkope – Budak sekarang **tak** kuat. **Tak** ada semangat

#### **Latar**

Latar tempat – Banting; Morib Baru

Latar masyarakat – bersukan; perempuan; semangat juang; agama

#### **Watak dan Perwatakan**

Firdaus – keperempuanan; tinggi; marah

Azlina – bongsu; tinggi lampai

Johari – Azlina; Firdaus; membaca

#### **Nilai**

Ketabahan; Kasih sayang; Baik hati

## **Pengajaran**

cabaran; membaca; bersimpati; sayang; insaf

### **Novel “Formula Termodinamik”**

#### **Sinopsis**

Amir; Asma; remaja; dua pupu; e-mel; berkomunikasi; Profesor Othman; terpakai; Formula Dua Hukum Populer; mengubah suai; Aswan; politeknik; senang hati; hebat; pemacu pena; jenayah siber; pemindahan; hanyut; dahan; keinsafan; memohon maaf; Asma; Asman; hampa; Anugerah Saintis Muda; biasiswa

#### **Tema dan Persoalan**

Persoalan – ciptaan; komputer; manis

#### **Plot**

##### **Binaan Plot**

Permulaan – Politeknik; maktab perguruan

Perkembangan – pengubahsuaian; bantuan; penerangan; sehari dua

Klimaks – Aswan, Majibon; Fikri; Amir

Peleraian – Amir; Usamah; pelajaran; tajaan biasiswa

##### **Teknik Plot**

Dialog; Monolog; Imbas kembali

#### **Unsur Gaya Bahasa**

Hiperbola – Air membuak ganas membawa keladak dan memanjat tebing mengorek tunjang-tunjang pokok yang dirempuhnya.

#### **Latar**

Latar masyarakat – inovatif; tinggi; teknologi komputer; gotong-royong

## **Watak dan Perwatakan**

Amir – Diploma Kejuruteraan Am; berkongsi ilmu

Usamah – kod keselamatan

Asma – Amir; Usamah; maktab perguruan

#### **Nilai**

Kebijaksanaan; Tanggungjawab

## **Pengajaran**

kejayaan; moden; kelangsungan; cemburu; nasihat

### **Novel “Pelari Muda”**

#### **Sinopsis**

olahraga; negara; Encik Kadir; melanggar; pingat; luka; terima kasih; insaf; bimbingan; Cikgu Zainal; berdisiplin; kecewa; semangat; masa; baik; Bangkok; dikendalikan; pelari; jurulatih; bersaing; tahniah; tanah air; berlumba; bersara; hadiah; pingat

#### **Tema dan Persoalan**

Tema – keinsafan

Persoalan – lupa; menjejaskan; organisasi; kunci

#### **Plot**

##### **Binaan Plot**

Permulaan – perhatian; menegur

Perkembangan – ponteng; kebangsaan

Klimaks – membaling; melintas; terlantar

Peleraian – meningkatkan; johan

##### **Teknik Plot**

Pemerian; Dialog; Imbas kembali

#### **Unsur Gaya Bahasa**

Personifikasi – Berbagai-bagai gambaran dan perasaan bersalah **mendera** hati Kamarul.

#### **Latar**

Latar tempat – Di Pusat Sukan Kampung Pandan; di Stadium Merdeka; di bilik guru; di bilik hotel; di Bangkok; di lapangan terbang; di Gimnasium A; di hospital

Latar masyarakat – kejayaan; bertolak ansur; tugas; bersukan; prihatin

#### **Watak dan Perwatakan**

Kamarul – tingkatan lima; menepati janji; memprotes

Saridah – tenang; Jujur; Perahsia

Encik Kadir – becok; Bertolak ansur; Pemurah

#### **Nilai**

Timbang rasa; Keberanian; Simpati

## **Pengajaran**

tugas; pelajaran; berdisiplin; jasa; insaf

### **Novel “Sejambak Bakti”**

#### **Sinopsis**

koperasi; Swee Lan; pembelajaran; membayar; Cikgu Zulkifli; pertama; Cikgu Syamsudin; Jabatan Pembangunan Koperasi; Razali; Munir; hadir; Ramlah; dirujuk; memukul; dirotan; cemburu; hakim; diceroboh; hilang; siasatan; kunci; Pak Zakaria; memarahi; kedua; sebatan; menangis; johan; Pak Ramli

#### **Tema dan Persoalan**

Persoalan – hebat; cemburu; ego

#### **Plot**

##### **Binaan Plot**

Permulaan – bertugas; Mesyuarat Lembaga Pengarah

Perkembangan – empat; Razali; penolong setiausaha

Klimaks – koperasi; Wang; Razali; dipecahkan; menghalaunya

Peleraian – terperangkap; tiga kali; digantung; piala; sahabat baik

## Teknik Plot

Imbas kembali; Imbas muka

## Unsur Gaya Bahasa

Metafora – Sedikit sahaja **bara kebenciannya** dihembus maka cepatlah marak **api kebenciannya** itu.

## Latar

Latar tempat – Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan; bilik mesyuarat; Bandar Kangar; pinggir sawah; Kampung Serdang; bilik pengetua

## Watak dan Perwatakan

Razali – lima; orang tua; tinggi  
Cikgu Zulkifli – koperasi sekolah; Bertanggungjawab; Bijak  
Ramlah – Razali; koperasi sekolah  
Mak Sopiah – Razali; agama  
Munir – tegap; cemburu

## Nilai

Ketabahan; Keprihatinan; Kasih sayang

## Pengajaran

cekal; diamanahkan; anak tiri; kebenaran; organisasi

## PENILAIAN AKHIR TAHUN

### Bahagian A

- 1 (i) di dalam – dalam  
(ii) paling tertinggi – paling tinggi/tertinggi  
(iii) Ketiga-tiga orang pelajar-pelajar – Ketiga-tiga orang pelajar  
(iv) bertanya tentang khabar – bertanya khabar
- 2 (i) fasilitatur – fasilitator  
(ii) professional – profesional  
(iii) otomotif – automotif
- 3 (i) Berapa lamakah aktiviti perkhemahan itu berlangsung?  
(ii) Siapakah yang merasmikan pelancaran Kempen Kenali Jiran Anda?  
(iii) Bilakah Program Kem Motivasi Sekolah Menengah Datuk Panglima berakhir?  
(iv) Mengapakah pelajar itu kelihatan letih dan kurang daya tumpuan?  
(v) Di manakah Majlis Sambutan Ambang Kemerdekaan peringkat sekolah berlangsung?
- 4 (i) berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.  
(ii) hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah

### Bahagian B

- 5 (i) Kelahiran Lim Meng telah membuat kehidupan Lim Pooi haru-biru kerana pemiagaannya telah lingkup. Selain itu, banyak kejadian kecurian yang berlaku di kedainya.  
(ii) ... masyarakat yang mempunyai ego yang tinggi, iaitu Lim Pooi yang tidak berganjak daripada keputusannya meskipun isterinya sedih hingga mengalirkan air mata ... masyarakat yang berani, iaitu Sim Pau berani menentang suaminya yang garang itu  
(iii) ... mempunyai ciri kepemimpinan yang baik sehingga dihormati anak-anak  
... memiliki kemahiran mendengar yang tinggi dan peka terhadap kehendak dan keperluan anak-anak
- 6 (i) ... daun akan semakin rimbun  
... akhirnya menjadi tempat untuk unggas menikmati kehidupan dengan gembiranya  
(ii) ... simpati. Contohnya, simpati terhadap hidupan lain ... baik hati. Contohnya, sanggup menghulurkan bantuan dan bakti terhadap golongan yang susah  
(iii) ... menyertai apa-apa sahaja aktiviti gotong-royong yang dianjurkan  
... menjadi ahli jawatankuasa persatuan penduduk

### 7 Novel *Destinasi Impian*

- (a) Johari, Firdaus, dan Azlina berani menyahut cabaran datuk mereka untuk menyertai ekspedisi berbasikal dari Klang ke Morib.

- (b) Azlina berani menyindir abangnya, Firdaus yang asyik hendak membatalkan ekspedisi berbasikal dari Klang ke Morib.
- (c) Sazali berani menemui Azlina untuk bertanya sama ada benar atau tidak Azlinalah yang menjadi punca Firdaus lambat tiba di Morib.

### Novel *Sejambak Bakti*

- (a) Razali sanggup memaafkan segala kesalahan Munir dan membantunya dalam pelajaran.
- (b) Swee Lan dan Sridevi sentiasa menyokong dan memberikan kata-kata semangat kepada Razali untuk memajukan koperasi sekolah.
- (c) Mak Sopiah menghidangkan air kopi dan pisang goreng untuk Razali dan kawan-kawannya ketika mereka sedang berbincang tentang pelajaran Penyata Wang Tunai yang disuruh oleh Cikgu Saiful.

### Novel *Pelari Muda*

- (a) Sures dan Suradi akur akan arahan jurulatih dengan mengamalkan disiplin yang tinggi bagi membolehkan mereka menjadi atlet berpotensi.
- (b) Adibah bersikap tegas terhadap Kamarul yang melanggar disiplin kerana keluar dari kelas sebelum waktu rehat.
- (c) Kamarul kembali menjadi pelatih yang berdisiplin setelah dia sedar akan kesilapannya.

### Novel *Formula Termodinamik*

- (a) Amir dan rakan-rakannya bekerjasama untuk mencipta mesin 2 dalam 1.
- (b) Penduduk kampung bekerjasama menyiapkan sawah milik nenek Amir.
- (c) Adin yang sedang menunggu keputusan SPM mengajak Amir dan Usamah untuk membantu mangsa banjir yang telah dipindahkan di kampung mereka.

### Bahagian C

- 8 Malaysia mempunyai banyak tempat pelancongan yang menarik. Kedudukan Malaysia yang menganjur dari tanah besar Asia memberikan satu keistimewaan yang tersendiri. Tambahan pula, Malaysia dikelilingi Laut China Selatan dan Selat Melaka. Oleh itu, Malaysia mempunyai pantai yang bersih dan memutih seperti Pulau Perhentian di Terengganu. Tambahan pula, Malaysia mempunyai hutan malar hijau, iaitu Hutan Belum yang terdapat di negeri Perak. Pihak kerajaan turut memajukan kawasan pergunungan untuk dijadikan tarikan pelancong juga. Tanah tinggi Cameron bukan sekadar indah, malah mempunyai cuaca yang sejuk dan nyaman. Selain itu, Tanah Tinggi Kundasang bukan sahaja menyediakan panorama baharu tetapi dapat menjana pendapatan kepada negara juga. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak pelancong yang berkunjung ke sana untuk melihat ladang ternakan yang begitu unik. Kesimpulannya, Malaysia mempunyai banyak tempat menarik yang boleh dikunjungi pada bila-bila masa.

### Bahagian D

- 9 (i) Pendahuluan  
bertanya khabar – menyatakan perasaan gembira dapat bersama-sama menjalani latihan badminton
- Isi-isi Penting
  - (a) mempelajari sesuatu yang baharu – tidak didapati di bilik darjah – ilmu pertolongan cemas digunakan apabila berlaku kecemasan atau kemalangan
  - (b) dapat mencungkil bakat masing-masing – diketengahkan dalam pertandingan
  - (c) murid mempelajari sifat-sifat kepemimpinan – mampu mengemukakan pandangan – tidak bersikap terburu-buru
  - (d) dapat meluaskan pergaulan – mengenali rakan-rakan – berbilang bangsa dan berinteraksi – bidang kokurikulum telah menjadi nilai tambah dalam proses pengambilan pelajar ke IPTA

### Penutup

sama-sama berazam untuk mencapai kecemerlangan dalam kokurikulum – aktiviti kokurikulum akan bermula – berharap dapat berbual lagi

(ii) Pendahuluan

aktiviti yang dijalankan di luar waktu pengajaran di sekolah – banyak pelajar kurang berminat – langkah-langkah perlu diambil untuk mengatasi masalah

Isi-isi Penting

- (a) ibu bapa memberikan galakan – menghadiri aktiviti kokurikulum – menunjukkan kecenderungan dalam aktiviti sukan atau permainan – anak-anak mengikut jejak langkah
- (b) pihak sekolah mengimbangi pencapaian bidang kokurikulum dengan akademik para pelajar – padang dan gelanggang dilengkapi peralatan sukan – perlawanan persahabatan melibatkan pelajar sekolah lain
- (c) peranan PIBG penting – bantuan kewangan kepada pihak sekolah bagi menyediakan kelengkapan sukan – badan beruniform
- (d) pihak sekolah mengadakan karnival kokurikulum – pelbagai acara dijalankan – menayangkan kejayaan setiap unit kokurikulum – para pelajar yang cemerlang dalam kokurikulum diberi pengiktirafan

Penutup

ibu bapa harus bersinergi dengan pihak sekolah – kejayaan dalam akademik perlu seimbang dengan bidang kokurikulum

(iii) Pendahuluan

tarikh perkhemahan – anjuran unit badan beruniform sekolah – Sungai Congkak, Hulu Langat – tiga hari dua malam memupuk semangat berpasukan dan meluaskan pandangan pelajar

Isi-isi Penting

- (a) diberikan taklimat seawal 7:00 pagi – pekarangan sekolah – peraturan yang perlu dipatuhi – peserta bersemangat membuat persediaan dari segi mental dan fizikal – tiba di tapak perkhemahan – dibahagikan kepada 10 kumpulan – dua orang fasilitator menyampaikan taklimat ringkas
- (b) mendirikan khemah – ketua kumpulan membahagikan tugas – mengadakan perbincangan dengan ahli kumpulan – sesi suai kenal dimulakan
- (c) keesokan pagi – senaman beramai-ramai – kursus pertolongan cemas – aktiviti meredah hutan pada sebelah petang – fasilitator menyediakan aktiviti mencabar di setiap stesen – pertandingan mencari harta karun, kawad kaki, memasak, berkayak dan menyeberangi sungai
- (d) menghidupkan unggun api pada waktu malam – berbual-bual – pertandingan persembahan bakat diadakan – setiap kumpulan membuat persembahan – dapat mengeratkan hubungan

Penutup

hari ketiga – majlis penutup dan upacara penyampaian hadiah – menerima sijil penyertaan – pengalaman yang tidak dapat dilupakan